

KEMISKINAN DI KALANGAN PETANI KADAZAN  
SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG SUNSURON, TAMBUNAN, SABAH

Oleh

No. Matrik 032886

Latihan Untuk memenuhi Sebahagian Daripada  
Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

Sessi 1980/81

## PENGHARGAAN

Ramai yang telah membantu saya dalam mengusahakan kajian ini. Diharapkan kajian ini dapat memberi faedah kepada pembaca-pembaca yang budiman. Dalam menyediakan Latihan Ilmiah ini saya amat terhutang budi kepada penyelia saya Encik Abdul Hadi Zakaria yang telah memberi bimbingan serta kritik-kritik yang membina terhadap draf Latihan Ilmiah ini.

Saya ingin juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pegawai-pegawai di Daerah Tambunan seperti Pegawai Daerah Encik Ignatius Bantoi, Pegawai Luar Bandar Encik Michael Emban, Pegawai Kerja Encik James Ampang, Pegawai Lembaga Padi Encik Abel Anggas, Pegawai Lembaga Tabung Getah Encik Joseph Ajun dan Pegawai-pegawai lain yang tidak disebutkan di sini atas kerjasama mereka dalam menjayakan kajian ini.

Kepada Saudara Tamit Sagunting dan Saudara Pius Matimbun, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana bersusah payah menguruskan tempat tinggal saya di Kampung Sunsuron serta memberi maklumat yang penting mengenai latar belakang kampung itu.

Akhir sekali saya ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada Ketua Kampung serta penduduk Kampung Sunsuron yang telah memberi sambutan dan kerjasama dalam kajian ini. Tanpa sambutan dan kerjasama mereka kajian ini tidak mungkin akan berjaya.

## ISI KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	v
DAFTAR JADUAL	vi
DAFTAR GAMBAR	viii
PETA 1	ix
PETA 11	x
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Tujuan dan Bidang Kajian	1
1.2 Rangka Teori	2
1.3 Metode Kajian	3
1.4 Masalah Kajian	4
1.5 Latar Belakang Tempat Kajian	6
BAB II PENGERTIAN KEMISKINAN SERTA GEJALANYA, KONSEP TEKNOLOGI DAN SIKAP	11
2.1 Pengertian Kemiskinan	11
2.2 Kemiskinan Sebagai Satu Fenomena Universal	13
2.3 Ukuran Kemiskinan	14
2.4 Gejala Kemiskinan Di Kalangan Masyarakat Kadazan	16
2.5 Definisi Teknologi	18
2.6 Definisi Sikap	19
2.7 Hubungan Teknologi dan Sikap Dengan Kemiskinan	21

	Muka Surat
BAB III PEMILIKAN TANAH DAN PENYEWAAN	22
3.1 Pendahuluan	22
3.2 Luas Tanah Milik Sendiri	23
3.3 Pola-pola Pemilikan Tanah	25
3.4 Cara Petani Mendapat Tanah	28
3.5 Penyewaan	30
3.6 Sewa Tanah	32
BAB IV PUNCA-PUNCA PENDAPATAN	33
4.1 Pendahuluan	33
4.2 Pengeluaran Padi	35
4.3 Hasil Penjualan Sayur-sayuran, Binatang Ternakan dan Upah	36
4.4 Penjualan Getah	38
4.5 Makan Gaji, Gaji Pencen dan Elaun Kebajikan	40
4.6 Pendapatan Petani Dari Semua Punca	41
4.7 Kos Perbelanjaan	43
4.8 Wang Simpanan	45
BAB V TEKNOLOGI DALAM PENANAMAN PADI	46
5.1 Pendahuluan	46
5.2 Sistem Pengairan	47
5.3 Jenis Padi Yang Ditanam	48
5.4 Membajak Tanah Sawah	49
5.5 Alat-alat Menanam dan Memotong Padi	50
5.6 Tenaga Pekerja	51
5.7 Lembaga Padi Sabah dan Subsidi	52

BAB VI	SIKAP DAN MASALAH PETANI	54
6.1	Sikap Terhadap Teknologi Tradisi	54
6.2	Sikap Terhadap Teknologi Moden	55
6.3	Sikap Terhadap Penanaman Padi Dua Kali Setahun	56
6.4	Sikap Terhadap Pendidikan	57
6.5	Sikap Terhadap Pekerjaan	59
6.6	Sikap Terhadap Projek Pembangunan	60
6.7	Masalah Utama Yang Dihadapi Oleh Petani	61
6.8	Cara-cara Petani Mengurangkan Kemiskinan	63
BAB VII	CADANGAN-CADANGAN KHUSUS	66
7.1	Menghapuskan Sikap Lama	66
7.2	Mengurangkan Penggunaan Teknologi Tradisi	70
7.3	JKKK Harus Diaktifkan	72
BIBLIOGRAFI		75
LAMPIRAN: SOAL SELIDIK		78

## SINOPSIS

Kajian ini telah dijalankan selama sebulan antara pertengahan bulan April hingga pertengahan bulan Mei. Adapun tumpuan kajian ini adalah terhadap masalah kemiskinan yang terdapat di kalangan petani Kadazan. Kajian ini melihat kemiskinan dari sudut kekurangan teknologi dan sikap yang negatif di kalangan petani.

Petani Kadazan ini didapati memiliki tanah getah yang lebih luas daripada tanah sawah. Tetapi tanah getah mereka tidak diusahakan dengan sepenuhnya. Bagi mereka tanah sawah adalah amat penting sekali. Teknologi dalam penanaman padi adalah rendah dan akibatnya tingkat pengeluaran juga rendah,

Sikap petani ini terhadap teknologi moden tidaklah seburuk-buruknya dengan sikap mereka terhadap pelajaran. Apa yang didapati dalam kajian ini ialah ramai anak-anak petani tidak mempunyai pendidikan yang tinggi. Dalam masa yang sama juga terdapat anak-anak petani yang tidak mempunyai sebarang pendidikan. Ini berpunca daripada sikap petani yang tidak menitik beratkan tentang pelajaran anak-anak mereka.

Dalam kajian ini juga punca-punca pendapatan petani adalah penting juga untuk menjelaskan kemiskinan. Didapati mereka ini bergantung pada sumber-sumber pendapatan dari jualan sayur-sayuran, jualan binatang ternakan, jualan getah dan sebagainya selain daripada pengeluaran padi. Hasil padi ini tidak dijual oleh petani tetapi untuk keperluan sendiri. Pada keseluruhannya pendapatan petani dari semua punca adalah rendah.

## DAFTAR JADUAL

	Muka Surat
Jadual I Kedudukan Tanah Secara Umum, Kampung Sunsuron pada 1980 (April - Mei)	22
II Luas Tanah Hak Milik Petani	24
III Jenis Pemilikan Tanah	25
IV Keluasan Pola Pemilikan Tanah Mengikut Jenis	26
V Pemilik Sawah Serta Getah - Luas Hak Milik Tanah Mengikut Jenis	27
VI Cara Petani Mendapat Tanah	28
VII Sebab-sebab Petani Tidak Jual Tanah	29
VIII Petani Pemilik - Penyewa - Luas Tanah Yang Disewa	31
IX Petani Penyewa - Luas Tanah Yang Disewa	31
X Pendapatan Petani Sebulan Dan Pengeluaran Pada Tahun 1980	34
XI Pengeluaran Padi Seorang Petani Sawah Pada Tahun 1980	35
XII Pendapatan Seorang Petani Sebulan Dari Penjualan Sayur-sayuran, Ternakan Dan Upah	37
XIII Pendapatan Petani Dari Penjualan Getah Sebulan	39
XIV Pendapatan Petani Sebulan Dari Makan Gaji, Gaji Pencen dan Elaun Kebajikan	40
XV Pendapatan Bersih Sebulan Bagi Seorang Petani Dari Semua Punca	42
XVI Kos Perbelanjaan Bersih Seorang Petani Dalam Sebulan	44
XVII Jenis Bibit Padi Yang Ditanam	48
xviii Purata Pemilikan Kerbau Seorang Petani Di Kampung Sunsuron	49

## Muka Surat

Jadual XIX	Purata Tenaga Pekerja Satu Keluarga Petani Dalam Pengerjaan Sawah	51
XX	Sebab-sebab Petani Tidak Menanam Padi Dua Kali Setahun	56
XXI	Kedudukan Pendidikan Di Kalangan Anak-anak Petani	58
XXII	Pandangan Petani Terhadap Masalah Besar Yang Dihadapi	61
XXIII	Cara-cara Petani Mengurangkan Kemiskinan	64

Universiti Malaya




## DAFTAR GAMBAR

GAMBAR		Muka Surat
1:	Kampung Sunsuron	6a
2:	Sungai Pegalan	6a
3:	Rumah Petani	9a
4:	Keadaan Dalam Rumah Petani	9a
5:	Kebun buah-buahan	16a
6:	Sekolah Rendah Kerajaan Sunsuron	16a
7:	Pondok Polis Sunsuron	21a
8:	Chapel St. Joseph	21a
9:	Dispensari Luar Bandar	32a
10:	Balai Raya	32a
11:	Sawah Padi Teres	32b
12:	'Sulap' atau Pondok Kecil	32b
13:	Sistem Pengairan	40a
14:	Parit Air di Kawasan Sawah	47a
15:	Ragus atau Radu	49a
16:	Tasuk	50a

Peta I: SABAH



Peta II: Daerah Tambunan (Tidak berskel)



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1. Tujuan dan Bidang Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk menyelidik masalah-masalah kemiskinan yang terdapat di kalangan petani, khususnya kaum tani Kadazan. Kaum ini bukan sahaja yang terbesar sekali jumlahnya di Sabah tetapi mereka juga merupakan majoriti bergiat di dalam lapangan pertanian. Petani kaum ini sebahagian besar tinggal di kawasan luar bandar.

Selain dari itu, kajian ini juga cuba memberi gambaran dan panduan kepada mereka yang ingin mengetahui tentang kemiskinan di Sabah terutamanya di kalangan masyarakat tani dengan lebih mendalam lagi. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak penulisan tentang masyarakat Kadazan ini. Tetapi kebanyakan penulis-penulis itu cuma menekan pada aspek adat resam, sosio-ekonomi dan seterusnya meninggalkan perkara yang penting iaitu tentang masalah kemiskinan. Jadi dengan kemunculan kajian ini akan memberi maklumat yang penting kepada pihak pentadbir, ahli politik, perancang, penyarah dan lain-lain lagi. Ekoran dari kajian ini, kajian perbandingan mengenai kemiskinan boleh dibuat antara masyarakat ini dengan masyarakat yang lain, antara Sabah dengan negeri yang lain dan seterusnya. Ini adalah terbuka kepada mereka yang sangat berminat di dalam bidang itu.

Sementara bidang kajian ini pula semata-mata tertumpu pada faktor kekurangan teknologi dan sikap negatif yang terdapat di kalangan kaum tani ini. Bidang ini cuba mengkaji teknologi yang digunakan oleh petani ini di dalam sektor pertanian khasnya penanaman padi. Disamping itu juga bidang ini cuba mencari keadaan sikap mereka terhadap teknologi

baru, pelajaran, projek pembangunan yang mana amat penting dalam kajian ini. Tidak ketinggalan juga aspek tanah-luas tanah, cara mendapat tanah, pola-pola pemilihan tanah; dan aspek pendapatan yang mana dianggap begitu penting sekali untuk memberi gambaran yang lebih luas lagi mengenai kemiskinan di kalangan kaum tani Kadazan.

## 1.2. Rangka Teori

Rangka teori yang digunakan di dalam kajian mengenai kemiskinan kaum tani Kadazan ialah:

a. Kekurangan teknologi. Teknologi yang dikaji di sini ialah alat pengerjaan tanah sawah, sistem pengairan, benih padi, baja padi, racun serangga dan tanaga pekerja. Kekurangan teknologi ini menyebabkan tingkat pengeluaran mereka rendah, dan dengan tingkat pengeluaran yang rendah inilah yang mengakibatkan mereka berada di dalam keadaan mundur dan miskin.

b. Sikap negatif. Sikap ini adalah faktor penghalang kepada kemajuan petani. Sikap tak mahu menggunakan teknologi moden menyebabkan mereka ini miskin. Begitu juga dalam kes-kes yang lain di mana sikap negatif terhadap pelajaran, pembangunan projek, pekerjaan dan penanaman padi dua kali setahun merupakan punca kemiskinan di kalangan kaum tani ini.<sup>1</sup>

Punca utama kemiskinan kaum tani Kadazan ini ialah berpunca daripada teori (a) dan (b). Teori-teori lain mengenai punca-punca kemiskinan

---

1. Untuk keterangan yang lebih mendalam lagi sila lihat Syed H. Ali, Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan, Petaling Jaya: Karang Kraf, 1978, hal. 8-11.

seperti kelaparan tanah,<sup>2</sup> cultural poverty,<sup>3</sup> masalah kredit dan seterusnya tidaklah begitu manasabah atau sesuai dipraktikkan di dalam kajian ini. Semasa membuat probing di tempat kajian yang dipilih itu didapati masalah kelaparan tanah, kredit dan tertindas tidaklah begitu meluas berbanding dengan masalah kekurangan teknologi dan sikap negatif. Misalnya teori tindas-menindas oleh orang tengah itu tidak sama sekali kelihatan atau wujud di dalam kampung itu. Tambah pula tiada orang yang berada di kelas atasan kerana penduduk dalam kampung itu menganggap diri mereka sama darjat.

Oleh kerana mereka ini bergantung sangat pada penanaman padi dan juga getah maka teori yang sesuai digunakan di sini ialah (a) dan (b). Dan juga kalau digunakan teori kekurangan teknologi itu tidaklah begitu cukup untuk menjelaskan kemiskinan. Masalah sikap yang sedia ada di kalangan mereka itu harus juga dikaitkan dengan kekurangan teknologi kerana terdapat kewujudan sikap terhadap penggunaan teknologi moden di kalangan mereka. Pendek kata kedua-dua teori (a) dan (b) tidak boleh dipisahkan.

### 1.3. Metode Kajian

Pilot survey - sebelum kajian atau penyelidikan dilakukan saya telah membuat satu tinjauan mengenai kawasan kajian dan lain-lain lagi.

- 
2. Sila rujuk kamaruddin Mohd. Said, "Struktur Pemilikan Tanah dan Kemiskinan Tani di Kelantan," Latihan Ilmiah 1975/76, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
  3. Untuk keterangan lebih lanjut sila lihat Selmiah Hasin, "Kemiskinan di Kuala Perlis," Latihan Ilmiah 1976/77, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

Mula-mulanya saya meminta kebenaran daripada pegawai daerah untuk menjalankan kajian di Kampung Sunsuron. Kemudian itu saya telah menemui Ketua Kampung dan berbincang mengenai tujuan kajian saya yang sebenar di kampung itu. Saya juga mengambil kesempatan untuk mendapat maklumat daripada Ketua Kampung tentang perkara-perkara yang relevan dan penting dalam kajian ini.

Sampel-pemilihan sampel dilakukan secara rambang sahaja. Daripada 1220 orang penduduk kampung atau pun daripada 185 orang ketua keluarga cuma 83 orang<sup>4</sup> sahaja yang dipilih. Responden-reponden yang dipilih itu adalah mereka yang sudah berumur 40 tahun ke atas.

Temuramah - satu set soalan yang berbentuk 'open-ended' dan 'closed-ended' telah disediakan selepas kajian awal telah dibuat (preliminary research). Soalan-soalan tersebut ditujukan kepada responden itu semasa temuramah. Temuramah dilakukan di dalam rumah responden itu dan bukannya di lain-lain tempat. Jawaban dan maklumat yang diberi oleh responden itu ditulis di dalam ruangan kertas yang khas.

Pemerhatian - biasanya metode pemerhatian ini diikuti serentak dengan metode penyertaan. Tetapi di dalam sepanjang kajian ini cuma metode pemerhatian sahaja yang dipraktikkan. Pemerhatian boleh dilakukan semasa temuramah dengan responden di rumah mereka dan juga pada masa lapang.

#### 1.4. Masalah Kajian

\* Masalah yang utama sekali ialah bahasa . Ramai responden yang ditemuramah itu bercakap di dalam bahasa mereka sendiri. Mereka ini

---

4. Angka ini didapati daripada maklumat yang diberi oleh Pegawai Luar Bandar Bahagian Tambunan.

tidaklah begitu mahir bertutur di dalam Bahasa Malaysia. Semasa bertemu-ramah dengan responden saya menggunakan bahasa resmi. Ada juga responden yang tidak faham langsung dengan soalan saya. Jadi terpaksa saya menterjemahkannya ke dalam dialek mereka. Kadangkala membuat penterjemahan itu mengambil masa yang agak panjang sedikit. Namun demikian ada juga responden yang pandai dan faham dengan soalan yang dikemukakan itu. Tetapi sebutan mereka ini seolah-olah kedengaran seperti bunyi loghat mereka. Pendekata masalah bahasa ini menimbulkan kekeliruan dari segi pertanyaan dan jawapan antara pengkaji dengan responden.

Masalah juga timbul berkaitan dengan tempat tinggal. Semasa tinggal bersama-sama dengan keluarga angkat saya terpaksa menyesuaikan diri dengan mereka dan juga keadaan di dalam mau pun di luar rumah tersebut. Kalau sudah biasa tidur atas tilam maka semasa kajian ini kenalah tidur di atas lantai rumah dengan tikar, bantal dan selimut. Keadaan dalam rumah pada waktu siang adalah panas tetapi kalau di sebelah malam pula badan yang ditutupi dengan selimut pun boleh mengigil. Ini cuma dialami pada diri saya yang tidak biasa dengan keadaan sejuk itu. Bukan alang-alang sejuk pada waktu malam sehinggakan minyak makan boleh jadi beku.

Makanan tidaklah menjadi masalah besar kepada saya kerana saya sendiri mempunyai adat resam yang sama dengan mereka. Tetapi itu sajalah kalau sudah biasa makan lauk yang sedap maka kenalah sekali-sekala makan garam dan belacan dengan nasi. Tidak boleh tolak nanti tuan rumah akan anggap diri saya yang bukan-bukan.

Masalah mencari responden. Kebanyakan tuan rumah jarang ada dirumah kerana ada yang pergi ke kebun getah, ada yang pergi mengambil buluh, kayu api dan ada yang pergi berkerja makan gaji.



Jadi di sini sukar betul untuk mencari responden. Mereka ini cuma berada di rumah pada sebelah malam sahaja. Jadi kenalah datang pada sebelah malam untuk menemuramah dengan mereka. Membuat kajian pada sebelah malam bukanlah senang. Sudah pun sejuk tiada lampu letrik lagi. Walaupun mereka telah dipesan untuk ditemuramah pada esok hari namum mereka tetap keluar dengan berbagai urusan.

Maklumat yang diberi oleh responden itu ada kalanya sukar hendak diterima. Misalnya, pertanyaan berkenaan pendapatan sebulan dari semua punca, ada yang menjawab \$30.00 dan seterusnya. Samada betul atau tidak terpulanglah kepada mereka. Kalau difikir dengan betul-betul bolehkah pendapatan \$30.00 sebulan itu cukup menampung kehidupan keluarganya? Menyentuh tentang pendapatan ini merupakan satu soalan yang peribadi dan dengan itu ada responden yang segan memberi maklumat yang tepat.

### 1.5. Latarbelakang Tempat Kajian

Kedudukan Ilmu Alam. Terdapat 36 buah Kampung di dalam daerah Tambunan. Salah sebuah daripada kampung itu ialah Kampung Sunsuron. Kampung ini terletak di utara pekan Tambunan dan kira-kira tujuh batu jauhnya dari pekan itu. Ia juga berada kurang lebih 2300 kaki tinggi dari paras laut. Pada keseluruhannya daerah Tambunan ini mengalami dua iklim Monsoon dengan hitungan hujan 73 inci setahun. Keadaan suhu di kampung ini yang paling tinggi sekali ialah  $92^{\circ}\text{F}$  dan yang paling rendah  $54^{\circ}\text{F}$ . Sementara kelembapan juga berbeza antara 54 dan 69 peratus.<sup>5</sup>

---

5. Thomas Rhys Willimas, The Dunsun: A North Borneo Society, Ohio University, 1965, hal. 8



Gambar 1: Kampung Sunsuron. Sebelah kananya ialah kawasan sawah padi dan juga sebatang sungai Pegalan. Kelihatan kebun getah dalam gambar ini juga.



Gambar 2: Sungai Pegalan. Tempat penduduk kampung mandi disebelah petang. Sebuah jambatan buluh juga kelihatan dalam gambar ini.

Seperti dengan kampung yang lain, Sunsuron juga dikelilingi dengan bukit serta hutan.

Munurut banci 1970, jumlah penduduk Kadazan di daerah Tambunan ialah 11, 546 orang di mana 5,669 orang lelaki dan 5,877 perempuan.<sup>6</sup> Sementara itu jumlah penduduk Kadazan kampung Sunsuron ditafsirkan seramai 1220 orang. Ini bermakna terdapat 185 buah keluarga dan 272 buah rumah di dalam kampung tersebut.<sup>7</sup> Dari segi agama pula, terdapat 70 peratus penduduk kampung itu menganut agama Roman Katolik manakala 30 peratus tidak mempunyai agama pun.

Kedudukan Politik dan Pentadbiran. Dalam kampung itu tidak terdapat perbezaan pandangan terhadap politik di kalangan mereka. Mereka bertindak dan bersatu apabila menghadapi sesuatu cabaran. Biasanya Ketua Kampung mempunyai pengaruh untuk menyatu padukan penduduk kampung itu. Tambahan pula Ketua Kampung dilantik oleh Wakil Rakyat yang mana merupakan pengikutnya yang setia. Dalam soal pentadbiran, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) memainkan peranan yang penting. JKKK ini bukan sahaja terdapat di kampung ini tetapi juga di lain-lain kampung di daerah Tambunan. Semua penduduk kampung itu adalah ahli kepada JKKK. JKKK ini merupakan ejensi kerajaan dalam melaksanakan projek pembangunan dan seterusnya.

Ekonomi Petani. Menanam padi merupakan kegiatan yang paling penting bagi penduduk ini kerana dari hasil pengeluaran inilah sumber makanan mereka. Sejak dahulu lagi mereka ini suka menanam padi sekali

6. Siaran Perangkaan Tahunan Sabah 1978, Jabatan Perangkaan Kota Kinabalu, Sabah, hal 11.

7. Maklumat ini didapati daripada Pegawai Luar Bandar bahagian Tambunan.

setahun sahaja dan juga mereka ini tidak menjual padi kerana tidak mencukupi untuk menampung keluarga untuk semusim. Memotong getah adalah kegiatan yang penting juga selepas penanaman padi. Dari hasil getah inilah mereka jual untuk mendapatkan wang. Boleh dikatakan hampir separuh petani di kampung ini memiliki kebun getah di kawasan bukit yang jauh dari kampung itu. Hasil getah itu dijual kepada wakil Lembaga Tabung Getah dari kampung itu sendiri. Berkebun sayur, buah-buahan merupakan kegiatan yang boleh mendapat wang. Ramai petani mempunyai kebun sayur dan buah-buahan berhampiran dengan rumah mereka. Tanaman yang lebih jelas dilihat adalah seperti Kelapa, pisang, mangga, betik, limau yang mana ditanam di belakang rumah. Selain dari itu terdapat juga tanaman lain seperti ubi kayu, ubi manis, nenas dan lain-lain tanaman yang penting bagi mereka. Hasil tanaman ini boleh dijual terus di pekan Toboh dan Tambunan.

Aktiviti perburuan dan menternak binatang merupakan kerja sampingan mereka selain daripada kerja pertanian. Boleh dikatakan di sini bahawa mereka ini adalah pakar dalam perburuan. Alat-alat pemburuan adalah seperti sebilah parang dan sepucuk senapang. Mereka memburu di hutan pada waktu malam. Hasil yang mereka dapati dari pemburuan itu adalah seperti babi hutan, pelandok, rusa, tupai, monyet, kucing liar dan lain-lain lagi. Kadang-kala hasil ini yang lebih itu dijual untuk mendapat wang.

Mereka ini juga mengumpul bahan-bahan mentah seperti rotan, buluh, buah kapok (kapas) dan lain-lain. Rotan digunakan untuk membuat tali. Tali rotan ini digunakan untuk mengikat kerbau, pagar, bakul dan banyak lagi. Buah kapok yang menghasilkan kapas itu boleh dibuat bantal atau tilam. Sementara buluh pula kerap digunakan untuk membuat lantai dan dinding rumah. Kebanyakan rumah di kampung ini diperbuat daripada buluh.

Whelam pernah menulis:

"In Tambunan Valley you will see houses with bamboo walls, bamboo floors and bamboo tiles for roofs."<sup>8</sup>

Selain dari itu buluh juga boleh dibuat sebagai gelas yang dipanggil 'suki', pengangkut air, alat musik, pagar dan banyak macam kegunaan yang lain.

Kemudahan Dalam Kampung. Jalan raya tar telah dibina daripada jalan besar terus masuk ke dalam kampung itu hinggalah pada Sekolah Rendah Kerajaan Sunsuron. Dengan adanya kemudahan ini, kenderaan dapatlah masuk ke dalam kampung itu tanpa kesulitan. Kampung ini telah diberi peruntukan sebanyak \$8,000 untuk projek pembinaan Balai Raya yang mana telah siap didirikan pada tahun 1978.<sup>9</sup> Di sinilah tempat JKKK bermesyuarat, tempat ejensi-ejensi kerajaan memberi taklimat dan nasihat dan tempat pembahagian elaun kebajikan orang tua. Selain dari itu kemudahan tempat ibadat juga didirikan. Sebuah Chapel Saint Joseph telah dibangunkan atas usaha pihak mubaligh di daerah Tambunan. Gereja kecil ini dapat menampung kira-kira dua ratus orang sahaja.

Kerajaan juga menitik beratkan tentang pelajaran di kampung itu terutama sekali di kalangan anak-anak petani. Jadi sebuah sekolah rendah telah diberi kepada kampung itu. Sekolah ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada penduduk di kampung itu tetapi juga di lain-lain kampung yang berhampiran dengannya. Selain dari sekolah rendah, sebuah sekolah TADIKA juga telah diberi pada kampung itu. Ia telah dibuka dengan resminya oleh Menteri Perumahan dari Kerajaan Tempatan pada 17hb Februari, 1980. Setakat itu cuma 30 orang kanak-kanak telah mendaftar untuk kelas TADIKA itu.<sup>10</sup>

8. F.G Whelam, Our Land, London: St. Martin's Press, 1962, hal. 21

9. Penyata Projek Luar Bandar, Rancangan Buku Merah, September, 1979, hal. 2

10. Maklumat itu dinetik daripada akhbar Kinabalu Sabah Times, 25hb Februari



Gambar 3: Rumah Petani. Sebahagian besar rumah petani di kampung ini di perbuat daripada buluh. Atap, dinding dan lantai rumah semuanya buluh.



Gambar 4: Keadaan dalam rumah petani. Beginilah keadaan dalam rumah petani yang miskin. Kerusi, meja dan sebagainya tidak ada.

Sebuah pondok polis telah didirikan di kawasan kampung itu.

Penduduk kampung ini tidak lagi bersusah payah pergi ke Balai Polis Pekan Tambunan yang jauh kira-kira tujuh batu dari tempat itu. Pembinaan pondok polis ini memberi perkhidmatan yang cemerlang khasnya pada penduduk kampung itu. Berkaitan dengan kesihatan, kerajaan juga telah mendirikan sebuah dispensari luar bandar dalam kampung itu. Projek ini menelan belanja kira-kira \$185,110 dan telah siap dibina pada tahun 1979.<sup>11</sup>

Projek bekalan air telah pun dilaksanakan pada tahun 1978. Projek ini menelan belanja kira-kira \$20,000. Bekalan air sukar dibina sampai ke dalam rumah tetapi dibina khas di tempat-tempat tertentu sahaja yang mana dua atau tiga keluarga boleh berkongsi dengan satu paip air. Manakala bekalan letrik pula, menurut sumber-sumber tertentu bahawa ia akan dilaksanakan dengan penuhnya pada pertengahan tahun 1980 di daerah Tambunan.<sup>12</sup> Ini termasuklah kampung Sunsuron itu sendiri. Namun demikian sudah terdapat bekalan letrik di kampung itu tetapi cuma beberapa buah rumah sahaja. Kemudian padang permainan juga telah siap dilaksanakan pada tahun 1979 di bawah Rancangan Buku Merah. Sebanyak \$3,000 telah diperuntukan untuk tujuan tersebut. Jambatan gantung telah didirikan supaya penduduk kampung itu mudah menyeberangi sungai menuju ke sawah. Pembinaan jambatan itu adalah hasil dari peruntukan Ahli Parlimen sebanyak \$3,5000 yang mana telah siap dibina pada tahun 1978. Yang akhir sekali kerajaan negeri telah menyumbangkan sebanyak \$1,000 untuk tujuan pembinaan tandas khas untuk penduduk kampung itu. Pembinaan tandas itu telah siap dilaksanakan pada tahun 1976.

---

11. Penyata Projek Luar Bandar, op.cit., hal. 2

12. Maklumat ini dipetik dari ucapan Menteri Perumahan dan kerajaan tempatan semasa beliau membuka TADIKA dengan resminya pada 17hb Februari, 1980 di kampung Sunsuron, Tambunan.

## BAB II

### PENGERTIAN KEMISKINAN SERTA GEJALANYA, KONSEP TEKNOLOGI DAN SIKAP

#### 2.1. Pengertian Kemiskinan

Ramai sarjana telah memberi definisi kemiskinan yang berbeza-beza. Takrifan kemiskinan yang dikemukakan oleh mereka itu adalah mengikut pandangan mereka sendiri. Ada yang mendefinisikan kemiskinan itu sebagai "... an insufficiency of basic needs."<sup>1</sup> Dan ada pula mentakrifkan kemiskinan sebagai "... the lack of due food and lodging and clothing."<sup>2</sup> Kedua-dua definisi itu sukar hendak dikatakan tidak sesuai untuk digunakan dalam pengertian kemiskinan. Menggunakan kehendak asas, makanan, pakaian dan tempat tinggal sebagai faktor penentu kemiskinan pula menimbulkan masalah. Masalah yang timbul itu ialah untuk menggunakan definisi kemiskinan itu kepada semua masyarakat. Ini jelas dilihat dalam penulisan Rein:

"Each of these concepts present numerous problems of definition and measurement. Should we define poverty only in terms of economic, insufficiency, economic in equality and economic diseconomy, or should the definition be broadened to embrace non-economic variables such as prestige, power and social services?"<sup>3</sup>

Jadi sasaran yang dibuat oleh Rein itu sudah cukup menjelaskan masalah-masalah dalam mendefinisikan konsep kemiskinan. Kata beliau konsep kemiskinan itu adalah meluas dan bukan setakat pada satu aspek sahaja yang ditekankan.

- 
1. J.L. Roach and J.K. Roach (eds.), Poverty, Harmondsworth, Middlesex, England, Penguin, 1972, hal 21.
  2. Robert Hunter, Poverty, New York: Garrett Press, 1970, hal. 9.
  3. Martin Rein, "Problems in the Definition and Measurement of poverty," dalam buku Poverty in America, oleh Louis A. Ferman (ed), Ann Arbor, The University of Michigan Press, 1972, hal. 17.



Pengertian kemiskinan dari sudut kaca mata ahli ekonomi adalah banyak dan di antaranya ialah:<sup>4</sup>

- i. Kemiskinan ditakrifkan sebagai ketidak cukupan daya untuk menguasai sumber-sumber seimbang atau seiring dengan keperluan
- ii. Kemiskinan didefinisikan sebagai peratus X yang terendah sekali daripada pembahagian pendapatan
- iii. Kemiskinan didefinisikan sebagai level pendapatan peratus X daripada pendapatan median.

Satu pengertian kemiskinan yang baik mengikut pandangan sosiologi ialah seperti yang disarankan oleh Oscar Lewis: "poverty was infact a culture - a way of life that gives social and psychological support to the individual, while at the same time perpetuating itself by reinforcing the poor in their poverty."<sup>5</sup> Apa yang ditekankan oleh Lewis di sini ialah budaya merupakan faktor yang menyebabkan kemiskinan di dalam masyarakat. Sebagai kesimpulan, pengertian kemiskinan itu adalah meluas dan bukan sedikit orang sahaja yang memberi definisi mengenai kemiskinan. Sebenarnya ramai lagi yang telah memberi pandangan mereka mengenai kemiskinan tidak dapat disebutkan di sini.<sup>6</sup>

4. Untuk mendapatkan keterangan yang lebih lanjut sila rujuk Sharon M. Oster, The Definition and Measurement of Poverty, Vol. 1, Colorado: Westview Press, 1978, hal. 3 - 20.

5. Ibid. hal. 18.

6. Untuk mendapat maklumat yang lebih meluas lagi mengenai pengertian kemiskinan sila lihat Social Science. Henry Hazlitt, The Conquest of Poverty, New York: Arlington House, New Rochelle, 1973, hal. 31 - 39; G.C. Fiegehen, Poverty and Progress in Britain 1953-73, London: Cambridge University Press, 1977, hal. 7-15; Peter Townsend, The Concept of Poverty, London: Heinemann, 1974; dan Ester Penchef, Four Horsemen: pollution, poverty, famine and violence, San Francisco: Canfield Press, 1971.

## 2.2. Kemiskinan Sebagai Satu Fenomena Universal

Masalah kemiskinan bukan sahaja didapati di negara yang sedang membangun tetapi juga di negara yang sudah maju dari segi ekonomi, sosial dan politik. Ini bermakna kemiskinan adalah satu fenomena universal. Boleh dikatakan di sini bahawa 66 peratus dari penduduk dunia ini berada di dalam keadaan yang miskin.<sup>7</sup> Dan sebahagian besar mereka ini didapati di negara yang sedang membangun. Ini menunjukkan jurang kemiskinan antara negara-negara yang maju (Barat) dengan negara-negara Dunia Ketiga adalah amat besar. Sementara 34 peratus sahaja dari jumlah penduduk ini hidup di dalam keadaan yang serba kaya. Kalau diukur mengikut pencapaian sumber ekonomi negara sudah tentu negara-negara pengeluar minyak seperti Arab Saudi, Kuwait, Iran, Iraq dan lain-lain lagi adalah kaya.

Jadi negara-negara yang sedang membangun seperti India, Burma, Thailand, Indonesia dan Malaysia sendiri menghadapi masalah kemiskinan. Masalah kemiskinan ini pula bukanlah terjelma dalam satu bentuk rupa sahaja. Ianya terjelma dalam masalah-masalah seperti kebuluran, pengangguran, perumahan, pelajaran, kesihatan, buta huruf dan seterusnya.

Kita ambil India dan Britain sebagai satu contoh untuk menggambarkan masalah kemiskinan dari segi penempatan (slums). Di India masalah perumahan merupakan suatu beban kepada Kerajaan India. Di bandar Calcutta sahaja terdapat 600,000 orang tidur di Jalan-jalanraya pada tiap-tiap malam.<sup>8</sup>

7. Anne Mountfield, Talking About Poverty, London: Wayland Publishers, 1974. Hal. 12 .

8. Ibid. hal. 25.

Sementara di Britain pula di kawasan England dan Wales terdapat 2½ juta orang yang tinggal berkelompok di dalam rumah yang tidak mempunyai kemudahan air dan lain-lain lagi.<sup>9</sup> Tambahan pula terlalu ramai keluarga yang tinggal di dalam sebuah rumah.

Di sini yang menghairankan ialah negara Amerika yang kaya dan maju itu mempunyai 14 juta penduduk luar bandar yang berada dalam keadaan miskin. Kurang lebih 30 peratus daripada jumlah penduduk Amerika tinggal di kawasan luar bandar dan kadar kemiskinan di kawasan tersebut ialah 40 peratus. Memang jelas bahawa orang-orang Negro lebih banyak yang miskin jika dibandingkan dengan orang-orang berkulit putih. Sebenarnya 90 peratus penduduk kulit hitam tinggal di kawasan yang miskin.<sup>10</sup>

Apa yang dapat disimpulkan di sini bahawa kemiskinan itu boleh terdapat di merata-rata tempat di seluruh dunia. Cuma kadar kemiskinan itu sahaja yang berbeza. Samada negara yang maju maupun negara yang mundur kemiskinan sentiasa wujud.

### 2.3. Ukuran Kemiskinan

Untuk mengukur kemiskinan terdapat dua cara, iaitu: cara mutlak dan cara perbandingan. Dengan menggunakan cara mutlak, garis kemiskinan diutamakan untuk memisah antara golongan yang miskin dengan golongan yang kaya. Maka ini bererti bahawa golongan miskin itu berada di bawah garis kemiskinan. Biasanya cara mutlak ini menilaikan pendapatan untuk dijadikan sebagai garis pemisah. Sebagai contoh di Amerika ada pihak yang menggunakan pendapatan sekeluarga sebanyak US\$3,000 (M\$7,200) dalam setahun. Jadi

9. Ibid. hal. 54

10. Keterangan selanjutnya boleh dilihat pada Louis A. Ferman, op.cit., hal. 153

di sini bermakna bahawa keluarga yang kurang berpendapatan dari \$600 sebulan dianggap miskin. Kalau digunakan ukuran pendapatan ala Amerika ini sebagai garis pemisah maka ramailah penduduk di Malaysia berada di golongan yang miskin. Sedangkan pendapatan purata keluarga di Semenanjung hanyalah \$269 sebulan bagi tahun 1970.<sup>11</sup> Ini menunjukkan ukuran cara mutlak itu tidaklah boleh digunakan untuk semua negara. Kerana satu keluarga dianggap kaya di satu negara mungkin pula miskin kalau mengikut ukuran yang digunakan di dalam negara yang lain. Dalam erti kata lain ukuran cara mutlak itu cuma dapat diaplikasikan di dalam negara berkenaan sahaja.

Cara perbandingan ini boleh dibuat dengan membanding antara negeri-negeri dengan merujuk pada struktur susunlapis masyarakat dan ketidak samaan ekonomi yang dijemakan. Dalam sistem susunlapis terdapat lapisan-lapisan yang berbeza yang wujud dari ketidak samaan dari penguasaan ekonomi. Faktor-faktor pendapatan, pemilikan dan pelajaran boleh menentukan perbezaan ini. Jadi ekoran daripada perbezaan dari segi penguasaan ekonomi itu wujudlah golongan kaya yang ditempatkan di lapisan atasan dan golongan yang miskin pula dilapisan kawalan. Lapisan atasan ini kecil bilangannya tetapi menguasai sebilangan besar dari punca-punca kekayaan negara serta monopoli semua pendapatan. Sementara lapisan bawahan pula besar bilangannya dan menguasai sebilangan kecil sahaja dari punca-punca kekayaan.

Berdasarkan pada pembahagian ini, dapat dilihat bahawa di dalam sesuatu negeri, orang-orang miskin ini sebahagian besarnya mempunyai kedudukan yang rendah di dalam sistem susunlapis masyarakat. Tambahan pula jumlah mereka ini berbeza antara 30 hingga 60 peratus dari satu negeri

11. Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971-75, Jabatan Cetak Kerajaan, 1973, hal. 3.

ke satu negeri. Manakala mereka yang berada di lapisan atasan jumlah mereka di satu ke satu negeri pula hampir sama iaitu 10 peratus. Cara pembahagian ini dalam memisahkan antara golongan kaya dengan golongan miskin boleh digunakan secara tepat jika ada data yang cukup tentang taraf hidup serta pola ketidak samaan ekonomi yang wujud di dalam masyarakat dan terdapat gambaran yang terang mengenai susunlapis masyarakat tersebut.

Kedua-dua ukuran ini tidaklah boleh dipisahkan atau digunakan secara berasingan. Kedua-duanya boleh digunakan dalam menentukan jumlah kemiskinan. Misalnya, kerajaan telah mengambil langkah untuk mengukur kemiskinan dengan menggunakan pendapatan \$25/- perkapita dalam satu-satu keluarga. Kalau ada enam orang dalam satu keluarga maka pendapatan bagi keluarga itu ialah \$150/-. Jadi keluarga yang mempunyai pendapat yang kurang dari \$150/- sebulan adalah miskin. Di negeri ini pula berdasarkan daripada ukuran tersebut terdapat 40.2 peratus bilangan orang dari semua jumlah penduduk atau 37.2 peratus dari semua bilangan keluarga itu termasuk kategori miskin. Manakala 59.8 peratus dari jumlah penduduk yang mempunyai perkapita \$75/- sebulan. (\$450/- untuk satu keluarga) bukan tergolong dalam kategori miskin. Jadi dengan menggunakan pendapatan perkapita \$25/- sebulan atau \$150/- untuk setiap keluarga sebagai garis pemisahan maka dapatlah kerajaan membuat kajian dan ramalan mengenai kemiskinan dengan lebih mudah lagi.

#### 2.4. Kemiskinan Di Kalangan Masyarakat Kadazan

Sebelum kita mengetahui tentang kemiskinan, adalah eloknya kalau dilihat berapakah jumlah penduduk masyarakat Kadazan di Sabah. Mengikut data banci tahun 1970, jumlah penduduk Kadazan di Sabah adalah 184,512 orang



Gambar 5: Kebun buah-buahan. Ramai petani mempunyai kebun seperti itu berhampiran dengan rumah mereka. Perhatikan juga pagar yang dibuat daripada buluh.



Gambar 6: Sekolah Rendah Kerajaan Sunsuron. Nampak kecil tetapi boleh menampung seluruh anak-anak petani.

(92,209 lelaki dan 92,303 perempuan). Dari jumlah ini hanya 8,901 orang sahaja yang tinggal di kawasan bandar dan pekan.<sup>12</sup> Ini bererti seramai 175,611 orang tinggal di kawasan luar bandar. Dan di kawasan inilah terdapatnya masalah kemiskinan rumit yang dihadapi oleh mereka.

Dari jumlah penduduk yang tinggal di luar bandar boleh dikatakan hampir separuh terlibat di dalam sektor pertanian. Menurut banci tahun 1970 mengenai sosio-ekonomi mereka cuma 6.8 peratus sahaja terlibat dalam perniagaan, 18.8 peratus dalam pembinaan rumah, 9.8 peratus dalam perkhidmatan awam dan 45.6 peratus dalam pertanian. Apa yang dapat dikatakan di sini ialah sebahagian besar daripada mereka ini bergiat di dalam bidang pertanian. Dan kalau dilihat dalam bidang perniagaan cuma sebilangan kecil sahaja yang terlibat dan begitu juga dalam bidang yang lain. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Kadazan ini menghadapi masalah kemiskinan terutama sekali di kalangan petani. Masalah kemiskinan ini pula bertambah dengan terdapatnya 32.1 peratus dari jumlah semua kaum tidak pernah menerima pendidikan. Dengan kurangnya pendidikan maka sudah tentulah nasib mereka ini tidak berubah.

Sebagai masyarakat tani hinggalah pada masa kini, mereka masih lagi bergantung pada hasil padi. Adat resam dan tatabahasa mereka masih terlihat dengan cara hidup yang dipusaki dari nenek moyang mereka. Ini termasuk nilai-nilai dan sikap lama mereka. Dari segi sikap tradisi, masyarakat Kadazan juga mempunyai unsur-unsur persamaan dengan masyarakat tani Melayu. Swift dalam penulisan mengenai sikap orang Melayu:

---

12. Siaran Perangkaan Tahunan Sabah 1978, Jabatan Perangkaan, Kota Kinabalu, 1979, hal. 3-13. Terdapat lapan belas buah bandar dan pekan di seluruh Sabah.

"The Malay is very prone, after receiving a setback, to give up striving, and say that he has no luck, that it is the will of God."<sup>13</sup>

Jadi sikap seperti inilah yang mengakibatkan masyarakat Kadazan ini berada di dalam keadaan mundur dan miskin.

Tidak dapat dinafikan bahawa sudah terdapat pertanian moden di Sabah tetapi cuma di kawasan Papar, Penampang, Tuaran, Tamparuli dan Tanggilan. Sebahagian besar kawasan lain belum lagi mengalami pertanian moden. Teknologi yang mereka gunakan adalah amat tradisi. Selain dari itu mereka lebih suka menanam padi sekali setahun sahaja. Sikap dan cara hidup seperti inilah membuat mereka berada di dalam keadaan miskin dan mundur.

## 2.5. Definisi Teknologi

Ahli sosiologi, ekonomi dan antropologi telah melihat pengertian teknologi ini sebagai satu fenomena sosial. Definisi teknologi adalah luas. Ramai sarjana bersetuju bahawa definisi ini ada kaitannya dengan 'membina' dan 'melaksana'. Jadi dengan itu definisi yang sesuai di sini adalah seperti berikut:

"Technology will be defined as any set of standardized repeatable operations that regularly yield predetermined results."<sup>14</sup>

13. M.G. Swift, Malay Peasant Society in Jelebu, University of London: The Athlone Press, 1965, hal. 29.

14. David M. Freeman, Technology And Society: Issues in Assessment, Conflict and Choice, Chicago: Rand McWAlley College Publishing Co, 1974, hal. 5. Definisi ini adalah sama seperti yang dikemukakan oleh Peter F. Druder, Technology, Management and Society, New York: Harper and Row, 1970 dan Jacques Ellul, The Technological Society, New York: Alfred A. Knopf, 1964.



Secara ringkasnya teknologi ditakrifkan sebagai satu alat pengerjaan yang standard yang sentiasa mengakibatkan hasil yang telah dijangkakan terlebih dahulu. Alat pengerjaan di sini dimaksudkan jentera, benih pertanian yang bermutu, baja dan sistem tali air yang moden. Misalnya, pemberian tali air moden akan membolehkan petani menanam padi dua kali setahun. Penggunaan bibit yang tinggi mutunya menghasilkan pengeluaran yang banyak dan seterusnya.

## 2.6. Definisi Sikap

Apakah sikap? Soalan ini bukanlah mudah untuk ditakrifkan sepertimana yang dijangkakan terlebih dahulu. Untuk memberi satu definisi yang tepat adalah payah sebab konsep ini bercampuran (overlap) dengan lain-lain konsep psikologikal. Kundu ada menyatakan bahawa untuk mengemukakan satu definisi sikap yang universal adalah susah.<sup>15</sup> Ramai sarjana telah memberi definisi sikap mengikut pengertian mereka masing-masing. Di antaranya adalah seperti Thomas dan Znaniecki, Chave, Borgadus, Droba, Morgan, Allport, Krech dan Crutchfield dan Campbell.<sup>16</sup> Definisi yang boleh dianggap berpengaruh di sini ialah seperti yang dikemukakan oleh Gordon Allport pada awal tahun 1935:

"A mental and neutral state of readiness, organised through experience, exerting a directive or dynamic influence upon the individual's response to all objects and situation which it is related."<sup>17</sup>

- 
15. Gorachand Kundu, A New Technique of Attitude Measurement, Calcutta: Annapurna Publishing House, 1975, hal. 11
  16. Sila lihat Ibid. hal. 8, mengenai definisi-definisi yang telah disarankan oleh sarjana-sarjana di atas.
  17. J.D. Halloran, Attitude Formation and Change, Leicester University Press 1967, hal. 14. Juga lihat H.C. Triandis, Attitude and Attitude Change, John Wiley and Sons Inc. 1971, hal. 2.

Terdapat tiga ciri di dalam definisi yang disarankan oleh Allport iaitu: (i) Sikap adalah satu keadaan yang tersedia yang mendorong seseorang individu itu mengerti atau melihat benda dan orang di sekelilingnya. Dalam kehidupan seharian individu lebih kerap bersedia menghadapi benda dan orang sekelilingnya tanpa berhenti dan berfikir mengenai penemuan mereka; (ii) Sikap itu bukanlah wujud semula jadi tetapi ianya dipelajari, berkembang dan tersusun melalui pengalaman. Dan juga sikap ini boleh diubahsuai melalui pengalaman tadi; dan (iii) Sikap itu adalah dinamik. Ia sebenarnya bukan satu keadaan yang tunggul (diam) menunggu sesuatu objek untuk menggerakkannya. Sebaliknya ia mempunyai motivasi dan kualiti tersendiri, dan boleh mendorong seseorang itu mendekati atau menjauhi benda-benda yang tersusun itu.

Satu percubaan untuk memberi definisi yang universal dan mengelakkan kelemahannya seperti yang terdapat dalam penulisan Kundu:

"Sikap adalah keadaan mental individu yang mempunyai kecenderungan untuk melakukan gerakbalas, atau sedia menerima atau menolak benda-benda, situasi dan lain-lain dengan kepercayaan atau perasaan, kepentingan, kemahuan, kehendak, dan seterusnya mempunyai hubungan yang secara langsung ataupun tidak."<sup>18</sup>

Kata Kundu lagi jikalau tiada perhubungan antara perasaan, kepentingan dan lain-lain dengan benda-benda atau situasi maka tindakbalas terhadap benda atau situasi itu bukanlah sikap tetapi pendapat (opinion).

---

18. Gorachand Kundu, op.cit., hal. 11-12.

## 2.7. Hubungan Teknologi dan Sikap dengan Kemiskinan

Di sini faktor-faktor yang menimbulkan masalah kemiskinan ialah kekurangan teknologi dan sikap negatif yang sedia ada dalam masyarakat tani. Kekurangan teknologi itu biasanya di dapati pada negara-negara yang kurang maju khususnya negara yang bergantung pada sektor pertanian. Akibat daripada kekurangan teknologi tadi sudah tentu tingkat pengeluaran adalah rendah. Apabila tingkat pengeluaran rendah maka surplus pun tidak ada kerana hasil pengeluaran itu cuma cukup untuk makan sahaja.

Menyentuh mengenai sikap negatif yang sedia ada di dalam masyarakat itu juga menyebabkan mereka itu menjadi mundur. Umpamanya, sikap dan nilai-nilai masyarakat yang menentang terhadap penggunaan teknologi moden menyebabkan kemunduran dan kemiskinan. Jadi sudah menjadi kewajipan bagi kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kalangan petani dengan mengamalkan teknologi moden serta diikuti dengan revolusi sikap dan mental dari yang lama kepada yang baru. Misalnya di India, Kerajaan telah memberi bantuan pengetahuan, baja dan teknologi kepada mereka yang dipanggil sebagai petani progressif. Mereka yang digelar demikian adalah petani-petani yang dianggap lebih bersedia untuk menerima perubahan.

Soal kemampuan petani-petani untuk membeli alat-alat yang lebih efisien tidaklah penting di sini. Apa yang penting ialah sikap yang positif. Jadi memang jelas bahawa petani-petani di negara yang kurang maju itu tidak mampu membeli alat-alat tersebut. Tetapi ini adalah kewajipan yang utama bagi kerajaan pada tiap-tiap negeri untuk memberi bantuan alat-alat itu kepada mereka supaya nasib petani itu akan berubah. Apa yang menjadi penting di sini ialah pengenalan teknologi moden dan mengrevolusikan sikap lama mereka kepada yang baru supaya masalah kemiskinan di kalangan masyarakat tani itu berkurangan.



Gambar 7: Pondok Polis Sunsuron. Kelihatan kosong dan sunyi sahaja. Maklumlah, anggota-anggota polis tak ramai bekerja dalam pondok itu.



Gambar 8: Chapel St. Joseph. Bangunan Kecil ini dapat memberi kemudahan bagi petani-petani untuk mendekati diri dengan Tuhan selain dari berdampingan dengan pengerjaan tanah.

## BAB III

### PEMILIKAN TANAH DAN PENYEWAAN

#### 3.1. Pendahuluan

Satu perkara penting yang harus dikaji di sini ialah mengenai tanah, kerana kaum tani ini selalunya dikaitkan dengan tanah. Tambahan pula untuk menjelaskan masalah kemiskinan di kalangan kaum tani adalah mustahak mengkaji aspek ini supaya didapati suatu gambaran yang lebih jelas.

Petani kampung Sunsuron ini ada yang memiliki tanah yang luas, ada pula yang kecil dan ada pula yang tidak mempunyai secipis tanah pun. Mengikut maklumat yang didapati, tanah tapak rumah kampung itu bukanlah milik mereka sendiri. Sebenarnya tanah tapak rumah seluas dua puluh ekar dalam kampung itu merupakan 'Tanah Simpanan' kerajaan sejak dari dahulu lagi.

Di bawah berikut adalah penerangan secara umum mengenai kedudukan tanah yang berdasarkan pada kajian luar di kampung tersebut:

Jadual 1: Kedudukan Tanah secara umum, Kampung Sunsuron pada 1980 (April - Mei)

Bilangan Petani yang dikaji	:	83 orang
Luas Tanah hak milik sendiri	:	703.15 ekar
Luas Tanah Sawah	:	195.10 ekar
Luas Tanah Kebun Getah	:	508.05 ekar
Luas Tanah yang disewa dari orang lain	:	36.75 ekar
Luar Tanah yang disewa kepada orang lain	:	6.50 ekar

Angka-angka di atas khususnya dari segi pemilikan tanah dan penyewaan adalah angka-angka yang umum sahaja. Keadaan ini sebenarnya memang berbeza daripada pandangan umum.

Dari sampel 83 orang yang dikaji itu, terdapat 6 orang petani (7.2%) yang tidak mempunyai tanah langsung sementara 77 orang petani (92.8%) memiliki tanah. Ini membuktikan masalah kelaparan tanah di kalangan penduduk itu tidaklah begitu serius. Tambahan pula tuan tanah tidur hampir tidak ada di dalam kampung itu. Mereka yang menyewa tanah sawah itu adalah mereka yang memiliki tanah sawah yang kecil sahaja. Ramai daripada mereka ini menyewa tanah sawah dari saudara-mara yang bekerja makan gaji di lain tempat yang jauh dari kawasan kampung itu. Itulah sebab mereka ini sewakan tanah sawah mereka kepada petani lain. Dan kalau diperhatikan angka-angka di Jadual 1, kita dapati mereka ini memiliki kebun getah (72.2%) yang lebih luas jika dibanding dengan tanah sawah (27.8%).

### 3.2. Luas Tanah Milik Sendiri

Tidak dapat dinafikan terdapat perbezaan di dalam pemilihan tanah di kalangan petani-petani ini. Ketidak samaan inilah yang menyebabkan mereka mempunyai taraf pencapaian hidup yang berbeza-beza.

Jadual II: Luas Tanah Hak Milik Sendiri

Luas Tanah (ekar)	Bilangan Petani	Peratus (%)
Tiada Tanah	6	7.2
0.1 - 3	9	10.9
3.1 - 6	17	20.5
6.1 - 9	20	24.1
9.1 - 12	15	18.1
12.1 - 15	8	9.6
15.1 - 18	5	6.0
18.1 - 21	-	-
21.1 - 24	-	-
24.1 - 27	-	-
27.1 - 30	2*	2.4
30.1 - ke atas	1**	1.2
Jumlah	83	100.0

\* memiliki tanah seluas 30 ekar

\*\* memiliki tanah seluas 35 ekar

Berdasarkan pada jadual di atas didapati masalah kelaparan tanah tidaklah begitu meluas. Ini boleh dilihat di mana cuma 6 orang petani (7.2%) sahaja yang tidak memiliki secipis tanah pun. Mereka inilah yang selalunya menyewa tanah sawah daripada orang lain. Sementara itu seramai 52 orang petani (62.7%) memiliki tanah yang tidak kurang dari 3 ekar dan tidak lebih dari 12 ekar. Dan sebilangan kecil sahaja mereka yang memiliki tanah yang lebih luas. Didapati 13 orang petani (15.6%) memiliki tanah antara 12.1 dan 18 ekar. Selanjutnya terdapat 2 orang petani (2.4%) memiliki tanah seluas 30 ekar dan seorang lagi memiliki 35 ekar luas tanah. Jadi golongan yang kecil inilah kadangkala menyewakan tanah mereka kepada orang lain.

Apa yang dapat disimpulkan di sini ialah masalah kalaparan tanah tidak kelihatan menonjol di sini. Sebaliknya sebilangan besar daripada petani-petani ini memiliki tanah yang tidak kurang dari tiga ekar.

### 3.3. Pola-pola Pemilikan Tanah

Dalam menerangkan pola-pola pemilikan tanah apa yang didapati daripada kajian ini bahawa pola-pola pemilikan tanah di kampung itu cuma boleh dibahagikan kepada dua, iaitu: sawah padi dan kebun getah. Seperti yang telah disebutkan terlebih dahulu petani-petani ini memiliki 195.1 ekar kawasan sawah padi dan 508.5 ekar kawasan kebun getah. Di dalam kampung itu juga, ada yang memiliki tanah sawah serta tanah getah, dan ada yang memiliki tanah sawah sahaja dan ada pula yang memiliki tanah getah sahaja. Ini boleh dilihat pada Jadual III dengan lebih jelas lagi.

Jadual III: Jenis Pemilikan Tanah

<u>Jenis Pemilikan</u>	<u>Bil. Petani</u>	<u>Peratus</u>
Memiliki tanah sawah serta tanah getah	64	83.1
Memiliki tanah sawah sahaja	10	13.0
Memiliki tanah getah sahaja	3	3.9
Jumlah	77	100

Jadual IV berikut memberi gambaran yang terperinci mengenai keluasan pola-pola pemilikan tanah mengikut jenis. Tujuannya ialah untuk menerangkan keluasan tanah yang dimiliki oleh Pemilik sawah serta getah, Pemilik sawah sahaja dan juga Pemilik getah.



Jadual IV: Keluasan Pola Pemilikan Tanah Mengikut Jenis

Luas Tanah (ekar)	Pemilik sawah serta getah	Pemilik sawah sahaja	Pemilik getah sahaja
1 ekar ke bawah	-	2	-
1.1 - 3	-	7	1
3.1 - 6	14	1	1
6.1 - 9	20	-	1
9.1 - 12	14	-	-
12.1 - 15	8	-	-
15.1 - 18	5	-	-
18.1 - 21	-	-	-
21.1 - 24	-	-	-
24.1 - ke atas	3	-	-
Jumlah	64	10	3

Daripada Jaudal di atas dapat dikatakan bahawa Pemilik tanah sawah padi serta getah ini sebahagian besarnya memiliki tanah seluas 3 ekar ke atas. Manakala pemilik sawah sahaja pula kebanyakan memiliki tanah kurang daripada 3 ekar. Sementara pemilik tanah getah memiliki tanah antara 1 - 9 ekar.

Gambaran yang kita dapati di sini ialah masalah kelaparan tanah sudah terbukti tidak begitu serius sekali. Daripada 83 orang petani yang dikaji terdapat 77 orang petani (92.8%) yang memiliki tanah. Daripada 92.8 peratus ini terdapat 83.1 peratus yang memiliki sawah padi serta kebun getah. Dan dari 83.1 peratus ini pula terdapat 64.9 peratus yang memiliki tanah tidak kurang dari tiga ekar dan tidak lebih dari dua belas ekar.

Di kalangan 64 orang petani pemilik sawah serta getah, terdapat 80 peratus petani memiliki tanah sawah yang kurang dari tiga ekar. Sementara itu pula terdapat 94 peratus petani memiliki luas tanah getah yang lebih dari tiga ekar. Ini menunjukkan bahawa petani ini memiliki tanah getah yang lebih luas daripada tanah sawah.

Jadual V: Pemilik Sawah serta Getah - Luas Hak Milik Tanah Seorang Petani Mengikut Jenis

Luas Tanah Getah (ekar)	Luas Tanah Sawah (ekar)							Jumlah
	<1	1.1-3	3.1-6	6.1-9	9.1-12	12.1-15	15.1-18	
<1		2						2
1.1-3	1	1						2
3.1-6	10	10	2	2				24
6.1-9	6	8	4	1	1			20
9.1-12	1	8					1	10
12.1-15	1	3						4
15.1-18								-
18.1-21					1			1
21.1 >			1					1
Jumlah	19	32	7	3	2	-	1	64

Berdasarkan pada Jaudal V, dapat dijelaskan bahawa ramai petani yang memiliki tanah sawah yang kurang dari tiga ekar. Selain dari itu apa yang dapat dikatakan di sini juga ialah 53 peratus petani yang memiliki tanah sawah yang seluas tiga ekar kebawah juga memiliki tanah getah antara 3.1-9 ekar luasnya. Sebilangan kecil sahaja petani sawah mempunyai tanah

getah yang kurang dari tiga ekar luasnya dan begitu juga sebilangan kecil sahaja petani sawah yang memiliki tanah getah yang lebih dari sembilan ekar luasnya. Pada keseluruhannya petani sawah ini memiliki tanah getah yang tidak kurang dari tiga ekar dan tidak lebih dari sembilan ekar luasnya. Ini boleh dilihat dengan jelas lagi dalam Jadual V di atas.

### 3.4. Cara Petani Mendapat Tanah

Di kalangan masyarakat Kadazan, mereka mendapat tanah samada melalui pesaka atau melalui permohonan daripada kerajaan atau pun melalui pembelian. Tetapi petani di kampung Sunsuron tidak mampu untuk membeli tanah oleh kerana kekurangan sumber kewangan. Hakikat ini boleh dilihat dalam jadual berikut:

Jadual VI: Cara Petani Mendapat Tanah

Cara	Tanah Sawah	Tanah Getah
Pesaka	60	4
Permohonan daripada kerajaan	14	63
Jumlah	74	67

Dalam Jadual VI, daripada 74 orang pemilik sawah, 19 peratus mendapatinya melalui permohonan daripada kerajaan dan 81 peratus pula mendapatinya melalui pesaka atau harta peninggalan daripada orang tua. Tanah pesaka ini telah diperturunkan dari masa ke semasa dan akibatnya terdapat perpecahan tanah. Tidaklah hairan tanah sawah yang dimiliki oleh petani

pada masa kini adalah kecil. Sebahagian besar petani di kawasan ini memiliki tanah sawah seluas tiga ekar ke bawah. Tidak juga dapat dinafikan bahawa mereka yang mendapat tanah menerusi permohonan daripada kerajaan itu memiliki tanah yang lebih luas iaitu tidak kurang dari enam ekar.

Sementara mereka yang memiliki tanah getah itu 94 peratus mendapat tanah tersebut melalui permohonan daripada kerajaan. Manakala pula 6 peratus melalui harta peninggalan daripada orang tua mereka. Harta pesaka biasanya mempunyai luas tanah yang kecil akibat daripada perpecahan. Jadi mereka yang mendapat tanah melalui harta peninggalan adalah kecil sahaja iaitu kurang dari tiga ekar luasnya.

Dari maklumat yang didapati daripada petani bahawa tidak terdapat kes jual-beli tanah di kampung ini. Sebab-sebabnya boleh dilihat pada Jadual VII.

Jadual VII: Sebab-sebab Petani Tidak Jual Tanah

Sebab	Bilangan Petani
Kerana tidak cukup tanah	79 (95.2%)
Tanah sangat penting di masa hadapan	50 (60.3%)
Kerana adat resam	10 (12.1%)

• 95.2 peratus petani menyatakan bahawa tanah mereka tidak cukup. Sebenarnya sebilangan besar mereka ini memiliki tanah getah yang luas. Tetapi kebun atau tanah getah mereka ini letaknya jauh daripada kampung ini iaitu di bukit. Di sini mereka lebih mementingkan tanah sawah daripada tanah getah. Jadi kekurangan tanah di sini dimaksudkan tanah sawah. Ramai

daripada mereka ini memiliki tanah sawah yang kecil luasnya. Selain dari itu 60.3 peratus petani sedar tentang pentingnya tanah untuk masa hadapan. Mereka sedar bahawa anak-anak mereka juga memerlukan tanah di masa akan datang. Cuma sebilangan kecil sahaja petani yang terpengaruh oleh adat resam kampung. Mengikut adat resam mereka bahawa tanah yang dimiliki itu tidak boleh dijual tetapi sebaliknya ia haruslah diwarisi kepada anak-anak mereka untuk masa akan datang.

### 3.5. Penyewaan

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga petani-petani kampung ini menyewa tanah daripada orang lain. Jenis tanah yang disewa itu adalah tanah sawah sahaja. Dalam masa yang sama juga terdapat mereka yang lain menyewakan tanah mereka. Di dalam kampung ini terdapat 23 orang petani yang menyewa tanah sawah daripada orang lain. Daripada 23 orang petani penyewa itu terdapat 14 orang (60.9%) memiliki tanah sawah sendiri antara 0.1 - 3 ekar; 3 orang (13%) memiliki tanah sawah antara 3.1 - 4 ekar luasnya dan sementara itu pula 6 orang petani tidak memiliki tanah sawah langsung. Ini bererti 17 orang petani sahaja memiliki tanah sawah sendiri dan juga menyewa tanah sawah daripada orang lain. Sebilangan besar mereka ini menyewa tanah sawah seluas satu ekar. Keterangan lanjut boleh dilihat pada jadual berikut:-

Jadual VIII: Petani Pemilik Penyewa - Luas Tanah Sawah Yang Di Sewa

<u>Luas Tanah (ekar)</u>	<u>Bilangan Petani</u>	<u>Peratus (%)</u>
1 kebawah	10	58.8
1.1 - 3	5	29.4
3.1 - 6	2	11.8
Jumlah	17	100.0

Manakala mereka yang tidak memiliki secipis tanah sawah, luas tanah yang disewa oleh mereka dari orang lain boleh dilihat dalam Jadual IX.

Jadual IX: Petani Penyewa - Luas Tanah Sawah Yang Disewa

<u>Luas (ekar)</u>	<u>Bilangan Petani</u>	<u>Peratus (%)</u>
1 ekar ke bawah	2	33.3
1.1 - 3	4	66.7
3.1 - 6	-	-
Jumlah	6	100.0

Berdasarkan pada angka-angka di atas maka dapat disimpulkan di sini bahawa sebahagian besar petani penyewa ini menyewa tanah sawah orang lain tidak lebih dari tiga ekar luasnya.

### 3.6. Sewa Tanah

Penyewa sawah orang lain ini iaitu 23 orang petani, telah menyewa tanah sawah dengan membuat perjanjian secara lisan sahaja. Dalam erti kata yang lain mereka ini tidak membuat perjanjian secara hitam putih atau bertulis. Ini disebabkan penyewa tanah sawah dengan tuan punya tanah itu mempunyai ikatan persaudaraan yang rapat dan lagi pun kedua-dua pihak itu saling mempercayai antara satu sama lain.

Di dalam kajian ini sistem sewa itu dibuat dengan dua cara, iaitu bahagi dua dan bayaran tunai. Daripada 23 orang penyewa tanah sawah, 17 orang petani (73.9%) menggunakan sistem sewa cara bahagi dua. Sementara yang 6 orang (26.1%) itu pula membayar dengan wang tunai kepada tuan punya tanah. Maka ini sudah jelas bahawa sistem sewa cara bahagi dua adalah amat popular di kalangan mereka. Secara kebetulan juga mereka ini tidak mampu untuk membayar dengan cara tunai. Jadi mereka yang mampu untuk membayar dengan cara tunai adalah mereka yang mempunyai pekerjaan makan gaji dan lain-lain lagi.

Kadar bayaran tanah sawah juga berbeza di kalangan penyewa tanah. Ini bergantung pada tuan punya tanah yang mana menentukan kadar bayaran sewa tanah sawah. Hasil dari temubual dengan 6 orang petani, didapati dua orang penyewa membayar \$45/- seekar untuk satu musim. Manakala dua orang lagi membayar \$66/- seekar. Sementara itu pula dua orang lagi masing-masing membayar \$50/- dan \$60/- seekar tanah sawah. Jikalau kadar bayaran tunai yang berbeza ini ditentukan oleh tuan punya tanah dengan sesuka hati maka sudah tentu ini akan merugikan pada golongan penyewa. Dengan itu adalah perlu diadakan satu sistem sewa tanah yang adil dan saksama supaya penyewa tanah sawah itu tidak dieksploitasi oleh tuan punya tanah.



Gambar 9: Dispensari Luar Bandar. Ia dapat memberi kemudahan bagi penduduk kampung itu dari segi perubatan.



Gambar 10: Balai Raya. Tempat penduduk kampung bermesyuarat. Yang paling penting ialah tempat pembahagian elaun kebajikan orang-orang tua.





Gambar 11: Sawah Padi Teres. Sawah ini mempunyai petak yang sempit dan batu yang banyak. Inilah masalah yang hadapi oleh ramai petani sawah di dalam kampung itu.



Gambar 12: 'Sulap' atau Pondok Kecil. Ia didirikan sebagai tempat petani berihat dalam musim penanaman padi atau dalam musim menuai padi.

## BAB IV

### PUNCA-PUNCA PENDAPATAN

#### 4.1. Pendahuluan

Punca pendapatan petani di kampung Sunsuron ini ialah dari:

- i. Pengeluaran padi; dan
- ii. Lain-lain punca seperti jualan getah, sayur-sayuran, gaji pencen, elaun kebajikan serta pekerjaan lain selain dari menanam padi.

Dalam kajian ini petani-petani yang mengeluarkan hasil padi itu tidak menjual hasil tersebut untuk mendapatkan wang. Ini disebabkan pengeluaran padi itu cuma cukup-cukup menampung keluarga mereka untuk semusim. Dan ada pula petani-petani yang tidak mempunyai hasil padi yang mencukupi. Dengan keadaan begini, petani terpaksa bergantung pada punca pendapatan yang lain seperti memotong getah, makan gaji dan seterusnya.

Dapat dinyatakan di sini terdapat 81 orang petani (97.6%) bergantung pada hasil padi; 35 orang petani (42.3%) bergantung pada sumber pendapatan dari jualan sayur-sayuran, binatang ternakan dan mencari upah; 31 orang petani (37.4%) mendapat pendapatan dari hasil jualan kepingan getah; 28 orang petani (33.1%) bergantung pada elaun kebajikan pencen tua; 19 orang petani (22.9%) bergantung pada sumber pendapatan dari makan gaji; dan sementara itu pula terdapat seramai 12 orang petani (14.5%) bergantung pada pendapatan gaji bersara (pencen). Jadi apa yang dapat disimpulkan di sini bahawa sebahagian besar petani ini bergantung pada pengeluaran hasil padi. Namun demikian hasil padi itu tidak dijual dan sebaliknya di-

gunakan untuk keperluan sendiri. Dari segi bentuk wang, ramai petani bergantung pada sumber-sumber pendapatan daripada jualan sayur-sayuran, jualan binatang ternakan, jualan kepingan getah dan mencari upah. Untuk mendapat gambaran yang lebih umum lagi mengenai punca-punca pendapatan sila lihat pada Jadual X berikutnya:

Jadual X: Pendapatan Petani Sebulan dan Pengeluaran Padi pada tahun 1980

Bilangan petani yang dikaji	83 orang
Jumlah pengeluaran padi	250,040 gantang
Jumlah pendapatan dari semua punca	\$12,933
Jumlah kos perbelanjaan	\$ 9,733
Pendapatan dari makan gaji	\$ 5,812
Pendapatan dari elaun kebajikan pencen tua	\$ 2,040
Pendapatan dari gaji pencen	\$ 1,784
Pendapatan dari jualan getah	\$ 1,755
Pendapatan dari jualan sayur-sayuran, ternakan dan upah	\$ 1,542

Boleh dirumuskan di sini bahawa punca-punca pendapatan dalam bentuk wang yang paling tinggi jumlahnya ialah dari makan gaji tetapi bilangan petani yang bergantung pada sumber ini adalah kecil iaitu 23 peratus. Walaupun terdapat 42 peratus petani bergantung pada jualan-jualan getah, binatang ternakan dan mendapat upah namun jumlah pendapatan dari sumber ini adalah paling rendah sekali daripada yang lain. Ini boleh dibuktikan lagi dengan merujuk pada angka-angka yang terdapat dalam jadual di atas itu.

#### 4.2. Pengeluaran Padi

Terlebih dahulu suka dinyatakan di sini bahawa petani-petani Kadazan ini cuma gemar menanam padi sekali sahaja dalam semusim. Dalam kajian ini terdapat 81 orang petani yang mengerjakan tanah sawah samada milik sendiri maupun sewa. Dan juga sebahagian besar petani ini bergantung pada pendapatan dari pengeluaran padi.

Jadual XI: Pengeluaran Padi seorang Petani Sawah pada Musim 1980

<u>Gantang</u>	<u>Bilangan Petani</u>	<u>Peratus</u>
100 ke bawah	5	6.2
101 - 200	26	32.1
201 - 300	16	19.7
301 - 400	22	27.2
401 - 500	1	1.2
501 - 600	5	6.2
601 - 700	2	2.5
701 - 800	1	1.2
801 - 900	-	-
901 - 1000	1	1.2
1001 ke atas	2	2.5
<u>Jumlah</u>	<u>81</u>	<u>100.0</u>

Dalam Jadual XI, dapat dijelaskan di sini bahawa terdapat 70 peratus petani yang mempunyai pengeluaran padi yang tidak kurang dari 100 gantang dan tidak melebihi dari 400 gantang. Mereka ini cuma mempunyai hasil padi yang cukup untuk mengisi perut keluarga mereka selama semusim sahaja. Tetapi terdapat sebahagian kecil dari mereka yang tidak mempunyai hasil padi yang mencukupi. Golongan yang mempunyai pengeluaran padi yang kurang dari 100 gantang adalah mereka yang paling miskin kerana mereka ini tidak memiliki tanah sawah yang luas. Cuma terdapat 6 peratus petani yang termasuk dalam kategori ini. Pengeluaran padi yang tertinggi sekali ialah yang melebihi dari 900 gantang. Golongan ini cuma terdiri 4 peratus sahaja dan memiliki tanah sawah yang luas daripada golongan lain. Mereka ini juga mempunyai simpanan padi yang lebih untuk kegunaan sendiri sahaja.

Apabila 81 orang petani ini ditanya samada pengeluaran padi mereka itu mencukupi atau tidak untuk menampung keluarga mereka hingga musim akan datang, seramai 28 orang petani (34.6%) mengatakan mencukupi. Sementara itu 53 orang petani (65.4%) menjawab tidak mencukupi. Dan daripada 53 orang petani ini didapati cuma 23 orang petani yang pernah membeli beras dari kedai runcit di dalam kampung itu. Itu pun mereka hutang dan akan dijelaskan apabila mereka mendapati wang untuk membayarnya.

#### 4.3. Hasil Dari Jualan Sayur-Sayuran, Binatang Ternakan dan Mendapat Upah

• Sumber pendapatan seperti menjual sayur-sayuran, binatang ternakan dan mendapat upah ini merupakan punca pendapatan yang terendah sakali kalau dibandingkan dengan jumlah punca pendapatan yang lain. Tetapi bilangan petani yang bergantung pada sumber pendapatan ini adalah 35 orang (42.3%) satu bilangan yang kedua besar selepas pengeluaran padi. Berikut adalah

jadual pendapatan seorang petani dari penjualan sayur-sayuran, binatang ternakan dan mendapat upah.

Jadual XII: Pendapatan Seorang Petani Sebulan Dari Penjualan Sayur-Sayuran, Binatang Ternakan dan Mendapat Upah

<u>Pendapatan (\$)</u>	<u>Bilangan Petani</u>	<u>Peratus</u>
0 - 40	23	65.7
41 - 80	6	17.1
81 - 120	3	8.6
121 - 160	1*	2.9
161 - 200	2**	5.7
<u>Jumlah</u>	<u>35</u>	<u>100.0</u>

\* pendapatan \$150/-

\*\* pendapatan \$200/-

Dengan merujuk pada Jadual XII, jelas bahawa terdapat 66 peratus petani yang mempunyai pendapatan tidak lebih dari \$40.00 sebulan. Kalau diperhatikan dengan teliti bahawa terdapat 17 peratus petani yang mempunyai pendapatan antara \$81.00 - \$120.00 sebulan. Dan yang akhir sekali terdapat 9 peratus petani yang mempunyai pendapatan yang lebih dari \$150.00 sebulan. Ini sudah menjadi ketara bahawa petani-petani ini tidak mempunyai pendapatan yang lumayan daripada sumber pendapatan ini.

Biasanya petani ini menjual sayur-sayuran samada di dalam kampung itu sendiri ataupun di pasar tamu minggu di Toboh pada tiap-tiap hari Ahad. Jenis sayur yang dijual adalah seperti sayur bunga, sayur putih, timun, terung dan macam-macam lagi. Manakala binatang ternakan biasanya dijual di dalam kampung sahaja seperti ayam, itek, kambing, babi dan seterusnya. Jauhnya Toboh dengan kampung Sunsuron adalah kira-kira empat batu. Petani-petani ini menaiki kenderaan umum seperti kereta 'pick up' dan juga mini bus yang dimiliki oleh Majlis Daerah Tambunan untuk pergi ke Toboh. Selain daripada menjual sayur-sayuran dan binatang ternakan, mereka juga mencari upah dengan membina pagar, membersihkan kebun getah, membina rumah dan seterusnya.

#### 4.4. Penjualan Getah

Dalam kampung ini terdapat 31 orang petani yang bergantung pada hasil penjualan getah sebagai satu sumber pendapatan. Sebenarnya seramai 67 orang petani (80.7%) dalam kampung itu memiliki kebun getah. Tetapi separuh daripada kebun getah itu belum lagi mengeluarkan hasil. Dan ini bererti 58 peratus petani yang mempunyai kebun getah yang belum lagi mengeluarkan hasil kerana ada yang baharu sahaja tanam getah sejak kebelakangan ini. Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas lagi mengenai penjualan getah sila lihat Jadual XIII berikutnya:

Jadual XIII: Pendapatan Petani dari Penjualan Getah bagi Sebulan

<u>Pendapatan (\$)</u>	<u>Bilangan Petani</u>	<u>Peratus</u>
0 - 50	18	58.1
51 - 100	12	38.7
101 - 200	1	3.2
<u>Jumlah</u>	<u>31</u>	<u>100.0</u>

Angka-angka di atas menunjukkan 58 peratus petani mempunyai pendapatan yang kurang dari \$50.00 sebulan dari hasil jualan getah. Sementara itu 39 peratus petani berpendapatan antara \$51.00 - \$100.00 sebulan. Cuma 3 peratus sahaja petani yang mempunyai pendapatan lebih besar daripada yang lain iaitu \$150.00 sebulan. Apa yang dapat disimpulkan di sini bahawa kira-kira 97 peratus petani yang mendapat hasil dari penjualan getah itu tidak melebihi dari \$100.00 sebulan.

Petani-petani ini menjual kepingan getah mereka kepada wakil Lembaga Tabung Getah yang tinggal di dalam kampung itu. Harga getah pada masa itu adalah \$1.10 sekati bagi getah yang diasap (atau \$110 sepikul) sementara getah yang tidak diasap adalah \$0.76 sekati (\$76 sepikul). Apabila ditanya samada harga getah itu memuaskan, 42 peratus petani menyatakan mereka merasa puashati kerana harganya tinggi dan manasabah. Manakala 58 peratus menyatakan rasa tidak puashati terhadap harga getah dengan alasan bahawa harga getah itu rendah jika dibanding dengan harga barang-barang keperluan dan kos perbelanjaan sebulan yang semakin meningkat.



#### 4.5. Makan Gaji, Gaji Pencen dan Elaun Kebajikan untuk Orang-orang Tua

Terdapat 19 orang petani (22.9%) yang bekerja makan gaji, 12 orang petani (14.5%) bergantung pada pendapatan gaji pencen dan sementara itu 35 orang petani (42.3%) bergantung pada pendapatan elaun kebajikan untuk orang-orang tua. Elaun kebajikan ini adalah \$60.00 sebulan untuk seorang yang sudah mencapai pada peringkat umur enam puluh tahun. Daripada 35 orang petani yang mendapat elaun ini, cuma enam orang petani sahaja yang menerima \$120.00 sebulan. Ini sebenarnya termasuk pada isteri mereka yang telah layak menerima elaun ini.

Jadual XIV: Pendapatan Petani Sebulan dari Makan Gaji, Gaji Pencen dan Elaun Kebajikan.

Pendapat sebulan (\$)	Bilangan Petani Makan Gaji	Bilangan Petani Gaji Pencen	Bilangan Petani Elaun Kebajikan
0 - 60	-	-	29
61 - 120	-	3	6
121 - 180	3	6	-
181 - 240	8	2	-
241 - 300	3	1	-
301 - 360	-	-	-
361 - 420	-	-	-
421 - 480	-	-	-
481 - 540	-	-	-
541 - 600	3	-	-
601 ke atas	2	-	-
Jumlah	19	12	35



Gambar 13: Sistem Pengairan. Salah satu cara Petani membekalkan air kepada sawah mereka ialah dengan memasang buluh seperti dalam gambar. Kelihatan air sedang bertitisan ke tanah.

Kalau dilihat dengan betul-betul pada jadual di atas sudah pasti kita dapat perbezaan di sini. Kalau kita tengok pada petani yang menerima elaun kebajikan, terdapat 82.9 peratus petani yang menerima elaun \$60.00 sebulan manakala 17.1 peratus pula menerima \$120.00 sebulan termasuk elaun isteri mereka. Sementara petani yang sudah bersara dari pekerjaan mereka dulu, 66.6 peratus petani menerima pencen bulanan antara \$121.00 - \$240.00. Cuma 25 peratus petani yang menerima gaji pencen yang kurang dari \$120.00 sebulan dan 8.4 peratus petani yang menerima lebih dari \$240.00 sebulan. Pada mereka yang bekerja makan gaji, didapati 73.7 peratus mempunyai anggaran pendapatan antara \$120.00 dan \$300.00 sebulan. Dan dalam masa yang sama juga terdapat 26.3 peratus petani mempunyai pendapatan yang melebihi dari \$540.00 sebulan. Harus juga dijelaskan di sini bahawa terdapat seorang petani yang makan gaji dan juga menerima elaun kebajikan orang tua. Sementara itu terdapat tiga orang petani yang menerima gaji pencen serta elaun kebajikan itu.

#### 4.6. Pendapatan Petani Dari Semua Punca

Pendapatan petani daripada punca pengeluaran padi tidak dimasukkan di sini. Ini disebabkan tidak kedapatan seorang petani yang ada menjual padi mereka untuk mendapatkan wang. Yang dititikberatkan di sini ialah punca-punca pendapatan dari jualan getah, jualan sayur-sayuran, binatang ternakan dan upah serta pendapatan dari makan gaji, gaji pencen dan elaun kebajikan.

Jadual XV: Pendapatan Bersih Sebulan bagi Seorang Petani dari Semua Punca

Pendapatan Sebulan (\$)	Bilangan Petani	Peratus (%)
0 - 50	11	13.3
51 - 100	25	30.1
101 - 150	13	15.7
151 - 200	12	14.5
201 - 250	8	9.6
251 - 300	6	7.2
301 - 350	1	1.2
351 - 400	-	-
401 - 450	1	1.2
451 - 500	1	1.2
501 - 550	-	-
551 - 600	3	3.6
601 - 650	2	2.4
Jumlah	83	100.0

Kalau diambil ukuran kemiskinan pendapatan \$150.00 sebulan dalam tiap-tiap keluarga, maka dalam kajian ini didapati 59 peratus keluarga petani berada di dalam golongan yang miskin. Ini sudah merupakan masalah kemiskinan yang serius bagi petani kampung ini. Manakala pula terdapat 31 peratus keluarga petani berada di atas garis kemiskinan dan golongan ini mempunyai pendapatan antara \$150.00 dan \$300.00 sebulan. Golongan ini boleh dianggap mempunyai kedudukan pendapatan yang sederhana. Akhir sekali cuma

6 peratus petani mempunyai pendapatan yang melebihi dari \$550.00 sebulan dan juga kira-kira 3 peratus petani sahaja mempunyai pendapatan bulanan yang tidak kurang dari \$400.00 dan tidak lebih dari \$550.00. Golongan yang mempunyai pendapatan \$400.00 ke atas dalam sebulan adalah mereka yang ada menyimpan wang sedikit.

#### 4.7. Kos Perbelanjaan

Seperti petani-petani lain tempat, petani kampung Sunsuron ini juga menghadapi masalah kos perbelanjaan yang tinggi. Kos perbelanjaan itu termasuklah:-

- a. Keperluan asasi seperti beras, pakaian, makanan dan lain-lain lagi.
- b. Beli alat-alat pertanian seperti parang, cangkul, gergaji, cuka getah dan seterusnya.
- c. Bayar upah mesin giling padi.
- d. Bayar upah sewa tanah sawah
- e. Belanja sekolah anak-anak
- f. Bayar upah buat pagar, membersihkan kebun getah dan sebagainya.

Di kampung ini tidak kedapatan seorang petani yang pernah mengupah orang lain untuk mengerjakan tanah sawah mereka. Dan juga tiada seorang petani yang ada menyewa jentera Kobota untuk membajak sawah padi. Tetapi sebenarnya, kerja-kerja membajak sawah, menanam padi, potong padi dan angkat padi dilakukan oleh anggota-anggota keluarga dan juga saudara mara.

Jadual XVI: Kos Perbelanjaan Bersih Seorang Petani dalam Sebulan

Perbelanjaan Sebulan (\$)	Bilangan Petani	Peratus (%)
0 - 50	20	24.1
51 - 100	32	38.6
101 - 150	13	15.7
151 - 200	10	12.0
201 - 250	2	2.4
251 - 300	1	1.2
301 - 350	1	1.2
351 - 400	-	-
401 - 450	1	1.2
451 - 500	1	1.2
501 - 550	1	1.2
551 - 600	1	1.2
Jumlah	83	100.0

Merujuk pada Jadual XVI, dapat dirumuskan di sini bahawa terdapat kira-kira 62 peratus petani telah membelanjakan tidak lebih dari \$100.00 sebulan. Golongan ini adalah mereka yang mempunyai pendapatan di bawah \$150.00 sebulan. Manakala pula terdapat lebih kurang 27 peratus petani mengeluarkan belanja antara \$101.00 - \$200.00 sebulan. Dan cuma 10 peratus petani sahaja yang telah membelanjakan lebih dari \$250.00 sebulan. Golongan ini adalah mereka yang mempunyai pendapatan yang lebih besar daripada mereka yang lain. Dan juga golongan inilah yang kurang cermat dalam menggunakan

wang pendapatan mereka. Namun demikian terdapat juga di antara mereka yang ada menyimpan sedikit wang pada tiap-tiap bulan.

#### 4.8. Wang Simpanan

Ramai petani yang tidak ada menyimpan wang mereka samada di pejabat pos atau pun di rumah. Ini jelas dilihat dalam kajian ini di mana 58 orang petani (69.9%) tidak ada wang simpanan. Cuma 25 orang petani (30.1%) sahaja yang ada menyimpan wang. Lagi pun mereka yang mempunyai wang simpanan itu adalah mereka yang mempunyai pendapatan lebih dari \$200.00 sebulan. Sebahagian besar petani ini menyimpan wang mereka di pejabat pos daripada menyimpan di dalam rumah.

Apa yang dapat dijelaskan di sini ialah daripada 25 orang penyimpan wang terdapat 3 orang petani (12%) menyimpan wang tidak lebih dari \$50.00 sebulan. Sementara itu pula 14 orang petani (56%) menyimpan wang antara \$51.00 - \$100.00 sebulan. 4 orang petani (16%) lagi ada menyimpan wang antara \$101.00 - \$150.00 sebulan. Dan akhir sekali 4 orang petani (16%) menyimpan wang tidak kurang dari \$150.00 dan tidak lebih dari \$200.00 sebulan. Golongan yang akhir ini adalah mereka yang berpendapatan besar, iaitu lebih dari \$400.00 sebulan. Tetapi jumlah wang yang disimpan oleh mereka itu adalah berbeza dari masa kesemasa. Ini bergantung pada kos perbelanjaan mereka seharian. Misalnya, seorang petani yang menyimpan \$200.00 pada bulan ini tidak semestinya menyimpan jumlah wang yang sama pada bulan akan datang dan seterusnya. Dapat disimpulkan di sini bahawa kira-kira 70 peratus petani di kampung ini tidak ada wang simpanan mereka. Ini menunjukkan mereka ini mempunyai keadaan hidup yang miskin jika dibanding dengan mereka yang berpendapatan tinggi.

## BAB V

### TEKNOLOGI DALAM PENANAMAN PADI

#### 5.1. Pendahuluan

Dalam kajian ini teknologi cuma dikaji dalam aspek penanaman padi sahaja. Ini disebabkan penanaman padi adalah kegiatan yang terpenting di kalangan petani Kadazan di kampung ini. Sebahagian besar tanah sawah yang didapati di kawasan ini adalah tanah sawah teres (terrace) dan bukannya tanah datar seperti yang terdapat di lain-lain tempat. Dalam soal teknik-teknik penanaman padi apa yang didapati daripada kajian ini ialah semua petani yang ditemubual itu mendapat pengetahuan daripada orang tua mereka. Dalam erti kata yang lain seorang petani itu mempelajari selok-belok menanam padi sejak mereka masih kecil lagi. Petani-petani ini mengajar anak-anak mereka cara-cara untuk menanam padi. Jadi teknik-teknik penanaman ini telah diperturunkan dari satu jenerasi kepada jenerasi yang lain. Apabila ditanya samada mereka ini pernah mendapat penerangan daripada pihak Lembaga Padi Sabah, 81 orang petani<sup>1</sup> (100%) mengatakan tidak pernah. Apa yang dapat dikatakan di sini bahawa petani ini berada dalam keadaan yang terbiar, dan segala teknik-teknik penanaman padi yang dipraktikkan itu adalah tradisi dan tiada pembaharuan atau langkah-langkah yang diambil oleh mereka ini untuk menggunakan teknik-teknik moden. Pendek kata teknologi yang digunakan oleh mereka ini adalah rendah.

---

1. Dalam 83 orang responden yang ditemubual cuma 81 orang sahaja yang mengerjakan tanah sawah.



## 5.2. Sistem Pengairan

Seperti yang telah diketahui bahawa sistem pengairan adalah penting sekali dalam penanaman padi. Di kawasan kampung ini air boleh didapati daripada dua punca, iaitu: hujan dan sungai. Biasanya air hujan akan turun pada musim pengerjaan tanah sawah. Hujan yang turun ke sawah itu dikawal oleh batas sawah sementara itu air dari Sungai Pegalan itu dapat dialirkan ke kawasan sawah dengan menggunakan buluh dan juga parit yang dibuat sendiri oleh petani.

Sistem pengairan ini sudah diamalkan dari nenek moyang mereka lagi. Apabila ditanya samada kerajaan ada membina sistem taliair untuk sawah, 100 peratus responden menyatakan tidak ada bantuan daripada pihak kerajaan. Apa yang dapat dikatakan di sini bahawa terdapat lebih kurang dua parit air yang kecil di sepanjang kawasan tanah sawah. Air yang mengalir melalui parit itu dapat membekalkan air kepada beberapa kawasan sawah milik petani kampung itu. Sementara itu buluh yang dipasang untuk mengalirkan air dari parit kecil ini tidaklah banyak digunakan oleh mereka ini. Namun demikian ia juga penting bagi mereka untuk membekalkan air kepada sawah mereka. Berdasarkan pada maklumat yang didapati daripada responden bahawa parit kecil itu tidak pernah kekurangan air dan ia sentiasa mengalirkan air di sepanjang sawah baik sebelum dan selepas selesai penanaman padi. Walaupun sistem pengairan ini amat simpel dan rendah namun mereka tidak menghadapi masalah kekurangan air untuk sawah mereka. Bahkan terdapat sebilangan kecil tanah sawah dibanjiri oleh air Sungai terumata sekali pada musim hujan. Ini telah menyebabkan kerosakan tanaman padi. Masalah ini cuma dihadapi pada mereka yang mempunyai tanah sawah yang berhampiran dengan sungai.



Gambar 14: Ia dibina oleh petani sendiri di kawasan sawah. Inilah yang membekal air kepada sawah mereka. Air ini mengalir daripada sungai.

### 5.3. Jenis Padi Yang Di Tanam

Terdapat empat jenis bibit padi yang ditanam oleh petani ini iaitu Kiodung, Posising, Gunaro dan Melinja. Tetapi yang lebih umum ditanam di kawasan kampung ini ialah Kiodung. Untuk keterangan lanjut sila lihat jadual berikut:-

Jadual XVII: Jenis Bibit Padi Yang Di Tanam

Jenis Bibit Padi	Bilangan Petani	Peratus
Kiodung	73	90.1
Posising	4	5.0
Gunaro	3	3.7
Melinja	1	1.2
Jumlah	81	100.0

Dari angka-angka yang terdapat dalam Jadual XVII, dapat dijelaskan bahawa 90 peratus petani di kampung itu menanam bibit padi Kiodung. Manakala 10 peratus petani pula menggunakan bibit padi yang lain. Jadi apa yang dapat disimpulkan bahawa jenis padi Kiodung lebih popular ditanam oleh petani kampung itu jika dibanding dengan jenis padi yang lain. Selain dari itu berdasarkan pada maklumat yang diperolehi daripada responden bahawa bibit Kiodung ini sudah lama ditanam semenjak nenek moyang mereka lagi. Ini bererti bibit Kiodung itu adalah berasal dari kampung itu. Manakala bibit Posising pula bukanlah asal dari kampung itu tetapi didapati daripada lain tempat. Dua orang petani yang menggunakan Posising ini telah menggunakannya dari dulu lagi. Sementara dua orang lagi baru sahaja menggunakannya dua tahun yang lalu.

Apa yang dapat ditambah di sini bahawa tiada usaha yang diambil oleh Lembaga Padi Sabah untuk mengenalkan bibit-bibit padi yang lebih tinggi mutunya kepada petani-petani ini.


#### 5.4. Membajak Sawah

Pembajakan sawah padi di kawasan ini biasanya bermula pada pertengahan bulan Ogos hingga pertengahan bulan September. Dalam jangka masa ini petani-petani mula membajak sawah mereka dengan menggunakan 'ragus'<sup>2</sup> yang ditarik oleh seekor kerbau. Dalam temubual saya dengan 81 orang responden yang mengerjakan tanah sawah, mereka semua (100%) menyatakan bahawa mereka menggunakan ragus, kerbau dan cangkul dalam pembajakan tanah sawah. Mereka ini telah lama menggunakan alat-alat seperti yang telah disebut tadi. Apa yang jelas kelihatan ialah mereka ini tidak menggunakan alat-alat mesin dalam pembajakan sawah. Dalam kerja pembajakan sawah kerbau merupakan binatang yang terpenting sekali bagi petani-petani ini. Setiap petani sekurang-kurangnya mempunyai seekor kerbau.

Jadual XVIII: Purata Pemilikan Kerbau Seorang Petani

Ekor	Bilangan Petani	Peratus
Tiada	13	16.1
1 - 2	50	61.7
3 - 4	14	17.3
5 - 6	1	1.2
7 - 8	2	2.5
9 - 10	1	1.2
Jumlah	81	100.0

2. Sejenis pembajak sawah yang umum digunakan bukan sahaja di kawasan kampung itu tetapi juga di keseluruhan daerah Tambunan.



Gambar 15: Ragus atau radu yang digunakan untuk membajak sawah. Ia ditarik oleh seekor kerbau. Ragus ini adalah umum digunakan di kalangan petani ini. Atas ragus itu ialah tasuk.

Kerbau adalah hasil dari peliharaan dan juga merupakan harta peninggalan daripada orang tua mereka. Tiada seorang petani yang pernah membeli kerbau kerana mereka tidak mempunyai wang yang begitu banyak. Di kampung ini terdapat 16 peratus petani yang tidak mempunyai seekor kerbau pun. Walau bagaimanapun mereka dapat juga membajak sawah mereka dengan meminjam kerbau daripada saudara mara mereka tanpa sebarang bayaran. Dapat disimpulkan di sini bahawa pembajakan sawah di kawasan ini dijalankan dengan menggunakan alat-alat tradisi seperti ragus, kerbau dan cangkul yang mana teknologi itu adalah rendah.

#### 5.5. Alat-alat Menanam dan Memotong Padi

Petani-petani ini mula menanam padi setelah selesai pembajakan sawah iaitu dari pertengahan bulan September hingga awal bulan Oktober. Alat-alat menanam padi yang digunakan semasa menanam padi adalah sama di kalangan mereka. Alat-alat yang umum digunakan ialah 'tasok'. Tasok ini ada yang diperbuat daripada kayu dan hujungnyanya pula tajam supaya memudahkan membuat lubang untuk semai padi ditanam. Ada pula tasok yang diperbuat daripada besi. Tetapi tasok yang lebih popular digunakan ialah yang diperbuat daripada kayu. Panjangnya adalah kira-kira satu kaki dan mempunyai ukuran garis tengah kira-kira dua inci. Penanaman semai padi itu biasanya dilakukan oleh kaum perempuan.

Enam bulan selepas penanaman padi maka tiba pula musim menuai padi. Musim menuai padi biasanya bermula pada awal bulan Februari dan seterusnya. Berdasarkan pada maklumat yang diberi oleh responden alat-alat pemotong padi yang digunakan adalah lebih kurang sama iaitu 'lingaman'<sup>3</sup> dan

3. Lingaman ini adalah sama dengan alat pemotong padi yang dipanggil ketam.



Gambar 16: 'Tasuk' Inilah alat-alat yang digunakan oleh petani untuk menanam padi. Salah satu daripadanya ialah besi.

No.	Nama Alat	Fungsi
1	1	1
2	2	2
3	3	3
4	4	4
5	5	5
6	6	6

sabit rumput. Yang lebih umum digunakan ialah lingkaman yang mana mereka memotong padi dengan tangkai yang pendek supaya mudah mengasingkan benih padi daripada tangkainya. Sebilangan kecil sahaja yang menggunakan sabit untuk memotong padi. Memotong padi dengan sabit seperti mana yang telah di ketahui, padi itu dipotong dengan sekali gus dari bawah tangkai padi.

Tangkai padi yang panjang itu memudahkan lagi pada mereka memegangnya untuk mengasingkan padi dari tangkai dengan memukul pada sebuah kotak yang telah disediakan. Apa yang didapati di sini bahawa mereka yang menggunakan sabit adalah mereka yang kekurangan tenaga pekerja dan tidak memiliki seekor kerbau. Dengan memotong padi dengan sabit bukan sahaja cepat tapi juga menjimatkan tenaga dan masa.

#### 5.6. Tenaga Pekerja

Selain daripada kerbau dijadikan sebagai sumber tenaga pekerja sawah padi, tenaga manusia juga penting di kalangan petani ini. Petani-petani di kampung itu betul-betul bergantung pada tenaga fizikal manusia. Lebih ramai tenaga pekerja maka lebih cepat pengerjaan sawah itu disiapkan.

Jadual XIX: Purata Tenaga Pekerja Satu Keluarga Petani Dalam Pengerjaan Sawah

Orang	Bilangan Keluarga	Peratus
1 - 2 *	44	54.3
3 - 4	23	28.4
5 - 6	8	9.9
7 - 8	3	3.7
9 - 10	3	3.7
Jumlah	81	100.0



Jadi apa yang dapat dijelaskan di sini ialah purata tenaga kerja yang kurang dari lima orang menunjukkan 60 peratus petani telah menggunakan keseluruhan tenaga fizikal mereka. Dengan tenaga pekerja yang kecil ini bukan sahaja membuat mereka penat tapi juga pengerjaan tanah sawah itu lambat jika dibanding pada mereka yang memiliki tenaga pekerja yang lebih dari lima orang. Tambahan pula semua tenaga pekerja ini datangnye dari anggota-anggota keluarga itu sendiri. Selain daripada ibu bapa, anak-anak juga turut membantu dalam mengerjakan sawah. Anak-anak yang sudah melebihi umur dua belas tahun sudah diajar berkerja dalam sawah. Peranan mereka ini juga seragam iaitu membajak, menanam dan memotong padi. Kadangkala punca keciciran anak-anak petani dalam bidang pelajaran disebabkan oleh desakan dan sikap petani itu sendiri yang mahu anak-anak mereka membantu dalam mengerjakan tanah sawah.

Dari maklumat yang didapati daripada responden bahawa mereka semua tidak mengupah orang lain untuk mengerjakan sawah mereka. Bagi mereka yang kekurangan tenaga pekerja mereka mengadakan gotong royong dalam mengerjakan sawah. Selalunya kawan-kawan, saudara mara dan jiran tetangga memberi sumbangan tenaga mereka dalam gotong royong tersebut. Pendek kata, sebahagian besar tenaga pekerja manusia ditaburkan ke dalam pengerjaan tanah sawah.

#### 5.7. Lembaga Padi Sabah dan Subsidi

Lembaga Padi Sabah bahagian Tambunan telah melancar unit pinjaman subsidi input kepada petani-petani di daerah Tambunan pada tahun 1979. Sejak ianya dilancarkan terdapat seramai 1652 orang petani<sup>4</sup> telah menyertainya.

---

4. Maklumat ini dipetik daripada Majalah KEMAJUAN, Jilid 2, Bil. 6, Ogos, 1980, Jabatan Ketua Menteri, Kota Kinabalu, hal. 11.

Mereka yang telah menyertai unit pinjaman subsidi akan diberi:

- i. bantuan wang tunai sebanyak \$70.00 seekar pada mereka yang membajak sawah dengan kerbau;
- ii. bibit padi 32 kati seekar;
- iii. racun serangga 3 botol; dan
- iv. baja padi 50 kilo seekar.

Tetapi apabila ditanya pada 81 orang petani sawah samada mereka ada penerima subsidi daripada Lembaga Padi dan lain-lain badan kerajaan, 100 peratus mereka menyatakan tidak ada. Ini bererti juga mereka tidak menyertai unit pinjaman subsidi input yang dilancarkan pada tahun 1979 oleh Lembaga Padi Sabah di daerah tersebut. Mereka juga tidak menikmati kemudahan-kemudahan yang telah dijalankan atau diberikan oleh Lembaga Padi Sabah. Samada mereka ini sengaja tidak mahu menyertai atau mereka ini tidak mendapat tahu mengenai pinjaman subsidi tersebut. Akibat dari ketidak cukupan mass-media yang dibuat oleh Lembaga Padi Sabah maka petani-petani di kampung ini tetap tidak akan menikmati kemudahan atau skim tersebut.

## BAB VI

### SIKAP DAN MASALAH PETANI

#### 6.1. Sikap Terhadap Teknologi Tradisi

Seperti yang telah dijelaskan di dalam bab lima bahawa petani-petani di kampung ini kesemuanya menggunakan teknologi yang tradisi yang mana agak rendah jika dibanding dengan teknologi moden. Teknik-teknik dan alat-alat pengerjaan tanah yang dipraktikkan itu telah diwarisi dari orang tua mereka dulu lagi. Jadi dapat dikatakan di sini bahawa sikap mereka terhadap teknologi tradisi ini lebih kuat daripada teknologi moden. Hakikat ini lebih ketara lagi dilihat dari segi penggunaan alat-alat. Dalam pembajakan tanah sawah mereka lebih suka menggunakan ragus dan kerbau daripada jentera. Apabila ditanya pada 81 orang petani sawah mengapa mereka tidak menggunakan jentera Kobota untuk membajak sawah mereka, 77.8 peratus menyatakan mereka tidak mampu untuk membelinya. 43.1 peratus pula menyatakan tanah sawah mereka banyak batu dan tidak sesuai menggunakan mesin. 9.9 peratus petani memberi alasan bahawa susah untuk menggunakannya. Manakala pula 3.7 peratus yang menyatakan mereka sengaja tidak mahu menggunakannya.

Memang tepat kalau dikatakan petani ini tidak mampu untuk membeli alat-alat mesin pembajak kerana mereka ini tidak mempunyai pendapatan yang besar. Tambahan pula sebahagian besar tanah sawah mereka ini banyak batu dan tidak sesuai menggunakan mesin. Jadi dengan alasan-alasan yang diberi oleh petani itu sudah cukup menunjukkan bahawa sikap mereka terhadap teknologi tradisi adalah kuat. Untuk menjimatkan belanja dan tanah sawah yang banyak batu mereka lebih suka menggunakan alat-alat tradisi daripada alat-alat moden.

## 6.2. Sikap Terhadap Teknologi Moden

Secara keseluruhannya sikap petani terhadap teknologi moden adalah rendah jika dibanding dengan teknologi tradisi. Misalnya, dalam pengerjaan tanah sawah alat-alat mesin tidak digunakan oleh petani. Dalam pembajakan tanah sawah, mereka lebih kerap menggunakan kerbau, ragus dan cangkul. Namun demikian terdapat juga kemahuan mereka ini untuk menggunakan jentera pembajak sekiranya mereka dapat memperolehnya. Ini jelas dilihat apabila 81 orang petani ditanya samada mereka mahu menggunakan jentera pembajak jika diberi oleh kerajaan. Keputusannya ialah 66 orang petani (81.5%) menyatakan mahu dan sementara itu pula 15 orang petani (18.5%) menjawab tidak mahu.

Apabila ditanya mengapa mereka mahu menggunakan mesin, 55 peratus menyatakan akan menyenangkan kerja sawah; 21 peratus memberi alasan bahawa ia akan mengurangkan penat; 16.1 peratus menjawab ia akan mengurangkan tenaga pekerja; manakala 14.8 peratus petani mengatakan ia akan mengurangkan belanja akhir sekali 7.4 peratus pula menyatakan ia akan mempercepatkan kerja. Bagi mereka yang tidak mahu menggunakan mesin jika diberi oleh kerajaan, 80 peratus menyatakan tanah sawah mereka banyak batu dan 46.7 peratus memberi alasan bahawa tanah sawah mereka kecil.

Jadi apa yang penting diketahui di sini ialah sikap terhadap teknologi tradisi boleh dikurangkan sekiranya mereka dapat memperolehi mesin dengan mudah. Dengan itu sikap terhadap teknologi moden akan bertambah di kalangan petani-petani ini.

### 6.3. Sikap Terhadap Penanaman Padi Dua Kali Setahun

Petani kampung ini kesemuanya menanam padi sekali setahun sahaja. Sikap mereka terhadap penanaman dua kali setahun ini adalah negatif. Mereka lebih suka menanam padi cara yang tradisi. Sebab-sebab mengapa mereka tidak menanam padi dua kali setahun boleh dilihat pada Jadual berikut:

Jadual XX: Sebab-sebab Petani Tidak Menanam Padi Dua Kali Setahun

Sebab	Peratus
Kerbau tidak dapat makan	27.2
Tidak cukup tenaga pekerja	26.0
Semua petani tidak tanam dua kali setahun	24.7
Sawah banyak batu	21.0
Tanah sawah tidak cukup	12.4
Sawah tiada pagar	9.9
Tanah sawah tidak rata	2.7
Umur sudah tua	3.7

Dalam jadual di atas sebab-sebab yang utama cuma empat sahaja. Sebab utama yang pertama iaitu kerbau tidak dapat makan memang betul kerana kebiasaannya mereka memasukkan kerbau mereka ke dalam sawah selepas habis musim menuai padi. Oleh kerana sebahagian besar tanah di kampung itu adalah tanah sawah maka tempat makanan kerbau yang banyak ialah di kawasan sawah. Seperti yang telah dibincang di bahagian 5.5 bahawa sebahagian besar petani ini mempunyai tenaga pekerja yang tidak melebihi daripada dua orang. Jadi

oleh kerana masalah ini mereka enggan menanam padi dua kali setahun.

Alasan yang utama juga iaitu semua petani kampung itu tidak sepakat untuk menanam padi dua musim. Kalau cuma sebilangan kecil sahaja petani yang mahu menanam dua musim maka mereka terpaksa memagar tanah sawah mereka sendiri.

Dan inilah yang mereka tidak sukai kerana banyak tenaga dan masa akan terbuang. Sebab utama yang akhir ialah tanah sawah mereka banyak batu.

Oleh kerana sebahagian besar tanah sawah mereka ini banyak batu, mereka enggan menanam padi dua kali setahun kerana sukar hendak membajak sawah itu. Pendek kata alasan-alasan inilah yang menyebabkan sikap mereka terhadap penanaman padi dua kali setahun tidak positif.

#### 6.4. Sikap Terhadap Pendidikan

Petani di kampung ini tidak begitu mendorong anak-anak mereka untuk mencapai pendidikan yang lebih tinggi kerana mereka lebih sukakan anak-anak mereka berkerja sebagai petani sawah dan kebun getah. Satu sebab mengapa mereka tidak memberi pelajaran kepada anak-anak mereka dengan cukup adalah disebabkan oleh latar belakang pendidikan petani itu sendiri. Daripada 83 orang petani yang dikaji, 59 orang petani (71.8%) tidak mempunyai pendidikan langsung. 8 orang petani (9.6%) cuma mendapat pendidikan Darjah Enam; 4 orang petani (4.8%) mendapat pendidikan Darjah Lima; 3 orang petani (6 orang) mendapat pendidikan Darjah satu dan Dua, dan manakala 2 orang petani lagi (6 orang) mempunyai pendidikan Darjah Tiga, Empat dan Tingkatan Dua.

Kedudukan pendidikan anak-anak petani boleh dilihat pada Jadual XXI berikut:-

Jadual XXI: Kedudukan Pendidikan Di Kalangan Anak-anak Petani

Pendidikan	Bilangan Anak Petani	Peratus
Tidak pernah bersekolah	102*	22.6
Darjah 1	10	3.2
Darjah 2	15	3.3
Darjah 3	16	3.6
Darjah 4	23	5.1
Darjah 5	69	15.3
Darjah 6	53	11.8
Tingkatan 1	36	8.0
Tingkatan 2	45	10.0
Tingkatan 3	56	12.4
Tingkatan 4	12	2.7
Tingkatan 5	9	2.0
Tingkatan 6	1	0.2
Lain-lain	4**	0.8
Jumlah	451	100.0

\* Bilangan ini tidak termasuk anak-anak petani di bawah umur enam tahun

\*\* 2 orang Maktab Perguruan Kent  
 1 orang Maktab Perguruan Gaya  
 1 orang Institute Teknologi Mara

Angka-angka di atas adalah secara umum sahaja dan ia berbeza daripada keadaan yang sebenarnya. Suka dinyatakan di sini bahawa bilangan anak-anak yang masih bersekolah dan juga yang sudah lepas dari sekolah dimasukkan dalam kajian ini.

Dari 451 orang anak petani didapati 102 orang tidak pernah mendapat pendidikan dari sekolah. Golongan ini sebahagian besar terdiri

dari kaum perempuan. Sikap ibu bapa tidak memberi pelajaran yang cukup pada anak-anak mereka menyebabkan masa hadapan anak-anak mereka tidak terjamin. Mereka yang tidak bersekolah ini disebabkan oleh ibu bapa yang mahukan anak-anak mereka membantu buat kerja dalam sawah. Ada pula anak-anak petani yang terpaksa berhenti sekolah kerana petani tidak mampu membiayai perbelanjaan sekolah mereka.

Taraf pencapaian anak-anak petani dalam bidang pelajaran adalah rendah. Misalnya dalam Jadual XXI, didapati 58 peratus anak-anak petani mempunyai taraf pendidikan antara Darjah Lima dan Tingkatan Tiga. Selain dari ini bilangan mereka mencapai taraf pelajaran yang tinggi juga sedikit. Misalnya, Tingkatan Lima cuma dua peratus sementara Tingkatan Enam adalah 0,2 peratus. Dan begitu juga dalam peringkat tinggi cuma terdapat kira-kira satu peratus sahaja. Ini sudah menjelaskan bahawa anak-anak petani adalah mundur dalam bidang pelajaran. Kemunduran dan keciciran anak-anak petani ini disebabkan oleh sikap ibu bapa yang tidak menitik beratkan tentang pelajaran di kalangan anak-anak mereka.

#### 6.5. Sikap Terhadap Pekerjaan

Dari maklumat yang diperolehi dari 83 orang responden terdapat 19 orang (22.9%) sahaja yang berkerja makan gaji dalam kampung itu. Sementara 64 orang petani (77.1%) pula berkerja sebagai petani. Di antara 64 orang petani ini didapati 25 orang petani (39.1%) adalah bekas polis. Mereka ini ada yang pencen dan ada pula yang berhenti kerja sebelum sampai tamat perkhidmatan. Apa yang didapati di sini bahawa sikap mereka terhadap pekerjaan juga tidak positif. Mereka yang berhenti dari perkhidmatan polis sebelum tempoh pencen berbuat demikian kerana mahu menjadi petani. Walau bagaimanapun ramai daripada petani kampung ini ada-



lah bekas polis.

Sikap terhadap pekerjaan di kalangan petani ini juga boleh dilihat dengan menanya pendapat mereka samada mereka mahu anak-anak mereka berkerja makan gaji ataupun menjadi petani. Daripada 83 orang petani yang ditemu-ramah itu, 59 orang petani (71.1%) mahukan anak mereka berkerja makan gaji supaya dapat membantu mereka di masa hadapan. Manakala 16 orang (19.3%) pula mahu anak-anak mereka mengikut jejak langkah mereka menjadi petani. Ini adalah mereka yang memerlukan tenaga pekerja dalam pengerjaan tanah sawah dan Kebun getah. Sementara itu 8 orang petani (9.6%) mahukan anak-anak mereka berkerja makan gaji dan juga petani.

Di sini dapat dikatakan bahawa sikap mereka terhadap perkerjaan adalah positif kerana 80 peratus petani mahu anak-anak mereka bekerja makan gaji berbanding pada mereka yang mahukan anak-anak mereka menjadi petani. Tetapi masalah yang timbul pula ialah impian mereka ini tidak terkabul kerana pencapaian anak-anak mereka dalam bidang pelajaran adalah rendah seperti yang telah dijelaskan di bahagian 6.4. Kalau mereka benar-benar mahukan anak-anak mereka bekerja makan gaji maka mereka haruslah menggalakkan anak-anak mereka belajar sampai ke peringkat tinggi dahulu.

#### 6.6. Sikap Terhadap Projek Pembangunan

Projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan\* di dalam kampung ini adalah seperti berikut:-

- |                 |      |
|-----------------|------|
| i. Pondok Polis | 1976 |
| ii. Balai Raya  | 1978 |
| iii. Jalan Raya | 1978 |
| iv. Bekalan Air | 1978 |

- v. Dispensari 1979  
vi. TADIKA 1980

Apabila ditanya samada mereka bersetuju dengan projek pembangunan itu, 100 peratus petani menyatakan mereka setuju dengan projek tersebut. Mereka bersetuju kerana projek tersebut memberi kemudahan dan kesenangan kepada kehidupan mereka seharian. Dapat dijelaskan di sini bahawa sikap petani terhadap projek pembangunan adalah positif.

#### 6.7. Masalah Utama Yand Dihadapi Oleh Petani

Petani di kawasan ini menghadapi berbagai masalah dalam kehidupan mereka. Masalah yang utama dihadapi oleh mereka ialah kemiskinan. Mereka ini sebahagian besar berada di dalam keadaan yang miskin. Masalah-masalah besar ini boleh dilihat pada Jadual berikut:-

Jadual XXII: Pandangan Petani Terhadap Masalah Besar Yang Dihadapi

Masalah	Peratus
Kekurangan tanah sawah	78.3
Pendapatan yang rendah	91.6
Pendidikan yang rendah	97.6
Kos perbelanjaan yang tinggi	88.0
Kekurangan tenaga perkerja	82.0
Tiada keupayaan untuk maju	66.3

Kalau diperhatikan angka-angka dalam Jadual XXII itu masalah-masalah yang dihadapi oleh petani ini adalah serius sekali. Masalah yang paling serius ialah pendidikan yang rendah iaitu 97.6 peratus. Hakikat ini boleh dilihat di mana 58 peratus anak-anak petani samada yang masih dan yang sudah berhenti bersekolah cuma mempunyai taraf pendidikan antara Darjah Lima dan Tingkatan Tiga. Sementara itu 5 peratus sahaja anak petani yang mencapai taraf pendidikan Tingkatan Empat dan atas. Masalah ini ditambahkan lagi dengan terdapatnya 23 peratus anak petani yang tidak mendapat sebarang pendidikan pun.

Pendapatan yang rendah merupakan masalah yang berat kepada petani juga. Dalam kajian ini terdapat 74 peratus petani yang mempunyai purata pendapatan di bawah \$200.00 sebulan. Pendapatan yang rendah ini sudah tentu tidak mencukupi kerana kos perbelanjaan sebulan adalah tinggi. Masalah kos perbelanjaan ini juga telah menbebaskan sebahagian besar petani di kampung itu. Dalam masa yang sama terdapat 90 peratus petani yang berpendapatan rendah itu mempunyai purata kos perbelanjaan yang lebih dari \$200.00 sebulan. Ini adalah terlalu tinggi bagi mereka yang miskin.

Petani ini juga menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja, seperti yang telah dibincang di bahagian 5.5 bahawa terdapat kira-kira 54 peratus petani yang mempunyai purata tenaga pekerja yang kurang dari dua orang. Sementara itu pula terdapat 28 peratus petani yang mempunyai purata tenaga pekerja yang kurang dari empat orang. Manakala 17 peratus petani yang memiliki purata tenaga pekerja yang lebih dari lima orang. Ini cuma golongan yang terkecil sahaja.

Kekurangan tanah sawah juga merupakan masalah yang berat di kalangan petani ini. Daripada 83 orang petani yang dikaji cuma 89.2 peratus memiliki

tanah sawah sendiri. Manakala 3.6 peratus petani memiliki kebun getah sendiri. Sementara itu pula 7.2 peratus tidak memiliki secipis tanah pun. Di antara mereka yang memiliki tanah sawah sendiri, terdapat 28.4 peratus petani yang memiliki luas tanah sawah yang kurang dari satu ekar. Sementara itu pula terdapat 52.7 peratus petani yang memiliki luas tanah sawah antara 1.1 - 3 ekar. Pada keseluruhannya, terdapat kira-kira 71 peratus petani yang memiliki luas tanah sawah yang kurang dari tiga ekar. Ini adalah satu masalah yang serius bagi mereka yang bergantung pada hasil pengeluaran padi.

Akhir sekali terdapat 66.3 peratus petani yang menyatakan mereka ini tidak berkeupayaan untuk maju. Mereka menyatakan demikian kerana usia mereka sudah lanjut dan tidak bertenaga lagi. Jadi bagi mereka yang masih ada tenaga yang kuat sudah tentu mereka mempunyai keupayaan untuk maju atau pun sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kemiskinan.

#### 6.8. Cara-cara Petani Mengurangkan Kemiskinan

Daripada 83 orang petani yang dikaji, 71 orang petani (85.6%) menyatakan mereka ada berusaha untuk mengurangkan kemiskinan dan sementara itu 12 orang petani (14.4%) menyatakan mereka tidak ada usaha. Mereka yang tidak mempunyai usaha untuk mengurangkan kemiskinan memberi alasan bahawa mereka sudah tua, sengaja tidak mahu dan tidak tahu apa yang hendak buat. Bagi mereka yang mempunyai usaha terdapat berbagai cara yang mereka telah lakukan untuk mengurangkan kemiskinan.

Jadual XXIII: Cara-cara Petani Mengurangkan Kemiskinan

Cara	Peratus
Menanam sayur dan buah-buahan	73.2
Berkerja kuat memotong getah	14.1
Mencari upah	8.5
Berniaga secara kecil-kecilan	9.9
Menjimat belanja	5.6

Dalam usaha untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan mereka (71 orang petani) terdapat 73.2 peratus petani menanam sayur dan buah-buahan untuk dijual dan juga keperluan sendiri. Sayur dan buah-buahan ditanam di belakang rumah mereka atau pun di kawasan yang lapang. 14.1 peratus petani pula berkerja kuat memotong getah untuk dijual. Sebahagian besar petani di kampung ini memiliki kebun getah tetapi cuma sebilangan kecil sahaja yang sudah boleh mengeluarkan hasil. Selain dari itu 8.5 peratus petani mencari upah untuk menambahkan pendapatan mereka lagi. Sementara itu terdapat 9.9 peratus petani menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan seperti menjual barang-barang keperluan. Di dalam kampung ini sahaja terdapat enam buah kedai runcit yang dimiliki oleh petani berkenaan. Ada pula menjalankan perniagaan mereka ditamu yang diadakan sekali seminggu. Dan cara yang akhir sekali ialah menjimatkan belanja. Terdapat 5.6 peratus petani menggunakan cara ini untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan mereka.

Seterusnya apabila 83 orang responden diminta memberi pendapat mereka samada petani ini miskin dari segi wang tetapi kaya dari segi padi, seramai 49 orang petani (59%) menyatakan bahawa petani ini memang kaya dari padi. Sementara itu 34 orang petani (41%) pula menyatakan bahawa petani ini miskin samada dari segi wang mahu pun dari segi padi. Alasan yang diberi ialah tidak semua petani di kampung itu mempunyai simpanan padi yang banyak. Tetapi bagi mereka yang menyatakan petani ini kaya dari segi simpanan padi menyatakan ramai petani di dalam kampung itu mempunyai simpanan padi yang banyak. Golongan ini juga bersetuju dengan pendapat yang menyatakan petani ini miskin dari segi wang. Dengan itu dapat dikatakan di sini bahawa 59 peratus petani bersetuju bahawa petani ini tidak miskin dari segi simpanan padi dan sementara itu pula 41 peratus petani menyatakan petani ini memang miskin baik dari segi simpanan padi mahu pun dari segi wang.

## BAB VII

### CADANGAN-CADANGAN KHUSUS

#### 7.1. Menghapuskan Sikap Lama

Untuk membangunkan masyarakat ini adalah perlu bagi pihak-pihak tertentu untuk memastikan sikap lama petani yang menjadi penghalang pembangunan itu dihapuskan. Pihak kerajaan haruslah melancarkan "Revolusi Mental"<sup>1</sup> ke atas petani-petani ini. Kerajaan boleh bertindak melalui ejensi-ejensinya yang ditubuh di daerah Tambunan seperti Lembaga Padi Sabah (LPS), Lembaga Tabung Getah (LTG), Koperasi Pembangunan Desa (KPD), Yayasan Sabah (YS) dan akhir sekali Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Dalam usaha membangunkan masyarakat tani ini adalah wajarnya kalau pelajaran di kalangan anak-anak petani itu ditumpukan dulu oleh pihak kerajaan. Sebab pelajaran adalah penting sekali untuk menentukan kehidupan mereka di masa hadapan dan juga menghapuskan masalah buta huruf. Dalam bahagian 6.4 telah dinyatakan bahawa 23 peratus anak-anak petani ini tidak mendapat sebarang pendidikan. Lagipun 58 peratus anak petani yang bersekolah itu cuma mencapai taraf pendidikan antara Darja Lima dan Tingkatan Tiga sahaja. Cuma sebilangan kecil sahaja anak-anak petani yang sampai ke peringkat tinggi. Keciciran anak-anak petani ini disebabkan oleh sikap negatif petani itu sendiri. Jadi adalah tugas YS untuk memastikan bahawa kadar keciciran di kalangan anak petani

---

1. Revolusi Mental ialah sikap dan nilai-nilai yang tertentu yang terjalin erat dalam satu falsafah sosial yang menggantikan falsafah sosial yang lama. Untuk mendapatkan keterangan yang lebih lanjut sila lihat Senu bin Abdul Rahman, Revolusi Mental, K. Lumpur; Penerbitan Utusan Melayu, 1973, hal. 87-94.

ini dapat dikurangkan ataupun kalau boleh dihapuskan. Pegawai-pegawai YS haruslah mengadakan taklimat di kampung itu sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk menerangkan kepada petani mengenai kepentingan pelajaran kepada anak-anak mereka supaya kehidupan mereka di masa hadapan akan terjamin. Setakat memberi nasihat sahaja tidaklah mencukupi. Tindakan haruslah diambil dengan membantu anak-anak petani dari segi bantuan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Selain dari itu bantuan alat-alat tulis serta buku teks harus diberi pada mereka supaya dapat mengurangkan beban perbelanjaan yang ditanggung oleh petani. Asrama juga perlu dibina dengan banyak lagi bagi menampung anak-anak petani supaya mereka dapat belajar dengan lebih tenang tanpa gangguan. Guru-guru juga harus diberi arahan untuk mendidik mereka dengan lebih baik dan cuba membantu mereka mengatasi sebarang kesulitan yang timbul terutamanya yang berkaitan dengan pelajaran. Hubungan antara guru dan ibu bapa harus dipereratkan lagi supaya keciciran anak-anak petani dapat diatasi. Jenerasi yang berpelajaran tinggi akan menghasilkan sebuah masyarakat yang membangun dan moden, dan tidak lagi menjadi petani sebagai pekerjaan utama mereka.

Untuk menghapuskan sikap lama melalui revolusi mental tidak mungkin berjaya sekiranya tiada kerjasama daripada petani-petani itu sendiri. Kemiskinan dapat dibasmikan sekiranya petani itu sendiri mengubah sikap lama mereka. Maka pihak kerajaan melalui kerjasama JKKK bolehlah mengadakan dialog\* terbuka dengan petani kampung itu. JKKK haruslah memanggil semua penduduk kampung itu atau pun sekurang-kurangnya tiap-tiap ketua keluarga supaya hadir ke dialog tersebut, samada yang dianjurkan oleh LPS, LTG, KPD dan lain-lain lagi. Melalui dialog terbuka ini petani dapatlah menyuarakan



masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Apabila masalah-masalah itu telah diketahui barulah langkah-langkah positif diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Sikap bergantung pada sumber padi sahaja tidaklah mencukupi untuk mengubah corak hidup mereka. Penanaman padi satu musim sudah tentu tidak boleh mengubah nasib mereka. Tambahan pula 78 peratus petani ini kekurangan tanah sawah. Apa yang mereka boleh lakukan untuk mengubah nasib mereka ialah dengan menanam padi dua musim atau dua kali setahun serta bergantung pada sumber-sumber yang lain seperti getah, kopi dan sebagainya. LPS haruslah menggalakkan petani ini supaya menanam padi dua kali setahun. Selain dari itu bantuan subsidi seperti wang tunai, pembajak moden, benih padi yang tinggi mutunya dan lain-lain boleh mengubah sikap lama petani ini. Seperti yang telah dikatakan tadi bahawa 100 peratus petani ini tidak menanam padi dua musim. Sebab-sebab yang telah diberikan oleh mereka seperti yang terdapat dalam Jadual XX itu adalah alasan sahaja. Macam mana mereka tahu bahawa kerbau tidak dapat makan atau kurang tenaga perkerja dan sebagainya kalau mereka belum mencubainya dulu. Jadi itu LPS haruslah menggalakkan mereka ini untuk membuat percubaan menanam padi dua musim. Jikalau didapati timbul masalah-masalah seperti yang mereka katakan itu maka rancangan ini terpaksa ditinggalkan.

Kalau penanaman padi dua musim itu gagal, sikap bergantung pada penanaman padi sekali setahun itu haruslah dikurangkan. Mereka haruslah diberitahu bahawa bergantung pada sumber padi sahaja tidak dapat mengubah hidup mereka. Mereka yang mempunyai kebun getah perlu mengerjakan kebun getah mereka dengan lebih giat lagi. LTG haruslah juga membantu mereka dengan bantuan subsidi seperti baja, alat-alat penoreh, giling getah, cuka getah, bibit getah yang tinggi mutunya dan sebagainya supaya

mereka dapat mengusahakan kebun getah mereka dengan lebih gigih. Dengan hasil getah yang banyak maka dapatlah petani mencari pendapatan yang lumayan.

Selain dari itu, tanaman kopi juga harus digalakkan kepada petani ini supaya sikap bergantung pada pengeluaran padi dan hasil getah tidak keterlaluan. KPD haruslah mengadakan usaha sama dengan petani yang mempunyai tanah yang kosong untuk ditanam dengan kopi. Tuan punya tanah itu perlu diberi bantuan subsidi atau pinjaman modal supaya mereka dapat mengusahakan penanaman kopi secara besar-besaran. Pendek kata sikap lama petani itu akan berubah daripada penanaman padi kepada penanaman getah dan akhir sekali kepada penanaman kopi.

Pihak kerajaan perlu juga memberi tanah kepada mereka yang tidak memiliki tanah dan juga pada mereka yang benar-benar memerlukan tanah untuk pertanian yang baru. Walaupun terdapat 7 peratus petani di kampung ini tidak memiliki secipis tanah namun kadar peratus ini akan bertambah lagi di masa akan datang sekiranya tiada langkah yang wajar diambil.

Revolusi mental dalam penggunaan teknologi moden juga harus dilancarkan. 100 peratus di kampung ini masih lagi menggunakan teknologi tradisi. Jadi sikap lama yang menjadi penghalang pada kemajuan petani itu haruslah dihapuskan kalau tidak ini akan berkekalan di dalam pemikiran mereka. Untuk memperkenalkan teknologi moden ini peranan LPS, LTG dan KPD sangat-sangat diperlukan di sini dalam usaha mengubah sikap lama petani ini.

## 7.2. Teknologi Tradisi Dikurangkan

Memang payah untuk menghapuskan teknologi tradisi ini dengan sepenuhnya. Tetapi pihak kerajaan dapat mengurangkannya kepada peringkat yang minima. Seperti yang telah diterangkan tadi penggunaan teknologi tradisi inilah yang menjadi penghalang pada kemajuan petani. Sebab penggunaan teknologi yang rendah juga menyebabkan tingkat pengeluaran yang rendah. Untuk mengatasi masalah ini pihak kerajaan perlu melancarkan dasar pembangunan ekonomi desa dengan memperkenalkan cara pertanian yang moden seperti penggunaan mesin, sistem pengairan yang baik, baja dan racun serangga yang baik. Dan yang tidak kurang penting juga seperti yang dilancarkan dalam 'Revolusi Hijau'<sup>2</sup> iaitu penggunaan benih tanaman yang tinggi mutu dan hasil keluarannya.

Penggunaan jentera untuk membajak sawah seperti traktor adalah baik. Tetapi di kawasan kampung ini penggunaan traktor tidak sesuai kerana petak sawah tidaklah lebar dan tambahan pula tanah sawah itu bercorak teres. Yang boleh dikatakan sesuai digunakan di sini ialah jentera Kobota. Penggunaan Kobota ini bukan sahaja dapat menjimat tenaga manusia tetapi juga dapat menyelesaikan tenaga pekerja.

Kira-kira 45 peratus petani menyatakan bahawa tanah sawah mereka tidak boleh digunakan oleh apa jenis jentera pembajak kerana banyak batu besar. Untuk menyelesaikan masalah ini petani haruslah membuat sesuatu terhadapnya. Memang sukar untuk membuang atau memindah batu besar itu tetapi sekurang-kurangnya mereka menggunakan alat pemecah batu. Di sini LPS perlu memberi

---

2. Revolusi Hijau adalah dasar pembangunan yang digunakan oleh ala-teknokrat dalam penggunaan benih tanaman yang bermutu. Untuk keterangan lanjut sila lihat Wan Hasmin, "Revolusi Hijau dan Kehendak Reformasi Tanah," Dewan Masyarakat, Jilid 17, Bil. 11, 15hb November 1979, hal. 40.

bantuan alat-alat pemecah batu kepada mereka supaya batu-batu itu dapat dibuang atau dipindahkan dari kawasan sawah. Memang ini mengambil masa yang agak panjang untuk memindah batu tersebut. Tetapi kalau dilakukan secara perlahan-lahan dan tabah hati, lama kelamaan batu-batu itu dapat dipindahkan. Setelah masalah ini selesai barulah jentera Kobota dapat digunakan. Kalau tidak sampai mati pun masalah batu ini tidak dapat diselesaikan.

Bersabit dengan jentera Kobota, 78 peratus petani menyatakan mereka tidak mampu untuk membelinya. Hakikat ini adalah sama seperti yang dikatakan oleh Muhammad Awang bahawa masalah yang dihadapi oleh petani kebanyakan tidak mampu untuk membeli baja, lain-lain alat teknologi yang berkaitan dengan pertanian.<sup>3</sup> Memang betul harga Kobota itu mahal. Selagi petani itu ada kemahuan untuk menggunakannya maka pihak kerajaan melalui LPS haruslah memberi atau menyewa jentera Kobota kepada mereka dengan kadar bayaran yang rendah.

Selain dari itu LPS juga perlu memberi bantuan benih padi yang tinggi mutunya dan yang boleh mengeluarkan hasil yang lebih banyak lagi. Mereka hendaklah menggunakan satu jenis benih padi yang sama sahaja dan bukannya beraneka jenis. Dalam penanaman padi, sistem pengairan yang moden juga diperlukan di sini. Apabila ditanya pada petani ini samada pihak kerajaan ada membena sistem pengairan, 100 peratus menyatakan tidak ada. Maka itu, pihak kerajaan terutamanya Jabatan Parit dan Tali Air haruslah membantu mereka memberi satu sistem pengairan yang lebih moden lagi. Begitu juga 100 peratus petani ini tidak pernah menerima bantuan subsidi daripada LPS.

---

3. Muhammad Awang, "Masalah Kemiskinan dan Teknologi Moden", Dewan Masyarakat, Jilid 13, Bil. 4, 15hb April, 1975, hal. 44.

LPS haruslah menyedari bahawa petani-petani ini memerlukan bantuan dari mereka. Kalau LPS tidak memberi sebarang bantuan subsidi jadi bagaimana petani ini boleh maju.

Setelah semuanya telah diselesaikan maka petani bolehlah menanam padi dua musim. Kerana melalui penanaman cara ini sahaja yang boleh memberi keuntungan kepada mereka. Hasil padi sudah tentu akan berlipat ganda daripada masa yang lalu. Kalau petani tidak menanam padi dua kali setahun maka sia-sia sahaja bantuan yang telah diberi oleh pihak kerajaan. Pihak kerajaan haruslah menyedari mereka ini dan cuba menggalakkan mereka menanam padi dua musim. Jangan buat mereka ini berada dalam keadaan yang terbiar kerana mereka sentiasa menjadi miskin. Seperti yang pernah disarankan oleh Professor Di Raja Ungku Aziz bahawa satu sebab mengapa petani ini miskin ialah kerana mereka ini terbiar.<sup>4</sup>

Sebagai kesimpulan bahawa teknologi tradisi ini perlu dikurangkan dan ditambahkan dengan penggunaan teknologi moden. Kerana dengan menggunakan teknologi moden maka tingkat pengeluaran pun akan bertambah. Jadi untuk menyerapkan teknologi moden ini di kalangan petani, pihak kerajaan harus juga memberi bantuan subsidi atau pinjaman modal yang berpatutan kepada mereka supaya penggunaan teknologi moden dapat digunakan oleh mereka. Hasil daripada penggunaan teknologi moden maka masalah kemiskinan di kalangan petani ini dapat dikurangkan.

### 7.3. Peranan JKKK Harus Diaktifkan

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) adalah

---

4. Abdul Aziz bin Abdul Hamid, Rencana Ekonomi dan Kemiskinan, Pustaka Melayu, Singapura, 1959, hal. 14.

sebuah jentera yang digunakan oleh kerajaan sebagai wakil lanjutnya menghadapi rakyat.<sup>5</sup> JKKK memainkan peranan sebagai perantaraan antara rakyat dan pihak kerajaan. Jadi di kampung ini terdapat satu JKKK yang memainkan peranan yang sama. Masalah kemiskinan dapat dikurangkan melalui kerjasama antara JKKK dengan pihak kerajaan. JKKK di sini haruslah diaktifkan supaya dapat memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan kemiskinan. Terlebih dahulu ahli Exco JKKK itu haruslah dilatih dahulu oleh kerajaan bagaimana untuk mengurangkan kemiskinan. Kalau tidak macam mana JKKK boleh membantu kerajaan mengatasi masalah kemiskinan kalau Exco JKKK sendiri tidak tahu caranya. Adalah wajar bagi kerajaan untuk menasihati ahli JKKK itu mengubah sikap mereka dahulu sebelum mereka menyuruh penduduk kampung itu berbuat demikian. Tidaklah logiknya kalau JKKK menyuruh penduduk kampung berusaha mengubah sikap lama mereka jikalau Exco JKKK itu sendiri tidak berusaha. JKKK haruslah memberi contoh yang baik kepada penduduk kampung itu. Penggunaan teknologi moden haruslah dimulakan oleh JKKK dahulu sebelum menyuruh petani lain menggunakannya. Begitu juga soal keciciran anak-anak petani dalam bidang pelajaran, Exco JKKK haruslah menitik beratkan pelajaran anak mereka dahulu.

Kalau JKKK boleh menguruskan rancangan dan projek pembangunan di kampung ini sudah tentu juga mereka boleh menguruskan rancangan kerajaan untuk membasmikan kemiskinan. Kalau ejensi-ejensi kerajaan seperti LPS, LTG, KPD dan lain-lain lagi telah gagal dalam usaha mengurangkan kemiskinan di kampung itu maka yang dipersalahkan di sini ialah ejensi-ejensi kerajaan itu sendiri. Seharusnya ejensi-ejensi tersebut berkerjasama dan berhubung

---

5. Cermin Masyarakat, Jilid 8, Bil. 3, Disember 1979, Hal. 15

rapat dengan JKKK supaya rancangan itu mudah dilaksanakan dengan efektifnya. Jikalau ejensi-ejensi kerajaan ada berkerjasama dengan JKKK dalam usaha mengurangkan kemiskinan tetapi gagal, maka yang dipersalahkan di sini ialah JKKK. JKKK perlu bertindak dengan lebih cergas, teguh dan aktif lagi. Segala tindakan yang diambil itu mestilah yang menghasilkan kesan yang baik. Kelemahan JKKK ini boleh menyebabkan kegagalan rancangan kerajaan tersebut.

Seperti yang telah dikatakan tadi bahawa JKKK ini perlu diberi latihan kepimpinan yang cukup dan matang supaya dapat melaksanakan rancangan kerjaan dengan lebih berkesan lagi. Dengan adanya latihan yang cukup itu maka JKKK akan dapat mengurangkan masalah kemiskinan di kalangan petani kampung itu. Dalam kes ini JKKK haruslah memainkan peranan yang aktif samada dalam merancang atau menyelenggarakan rancangan tersebut. Jika JKKK ini aktif maka rancangan kerajaan untuk membasmi kemiskinan akan memberi kesan yang baik dan positif.

BIBLIOGRAFI  
(Mengikut Abjad)

BUKU-BUKU

- Abdul Aziz bin Abdul Hamid, Rencana Ekonomi dan Kemiskinan, Singapura: Pustaka Melayu, 1959.
- Arena Wati, Pribumi Sabah, Kota Kinabalu: Penerbitan Yayasan Sabah, 1979.
- Druder, Peter F., Technology, Management and Society, New York: Harper and Row, 1970.
- Ellul, Jacques, The Technological Society, New York: Alfred A. Knopf, 1964.
- Freeman, David M., Technology And Society: Issues in Assessment, Conflict and Choice, Chicago: Rand McNalley College Publishing Co., 1974.
- Fiegehen, G.C., Poverty and Progress in Britain, Cambridge University Press, 1977.
- Hazlitt, Henry, The Conquest of Poverty, New York: Arlington House, 1973.
- Halloran, J.D., Attitude Formation and Change, Leicester University Press, 1967.
- Kundu, Gorachand, A New Technique of Attitude Measurement, Calcutta: Annapurna Publishing House, 1975.
- Mountfield, Anne, Talking About Poverty, London: Wayland Publishers, 1974.
- Oster, Sharon M., The Definition and Measure of Poverty, Volume One, Colarado: Westview Press, 1978.
- Penchef, Ester, Four Horsemen: pollution, poverty, famine and violence, San Francisco: Confield Press, 1971.
- Roach, Jack L. (ed.), Poverty, England: Harmodsworth, 1972.
- Senu bin Abdul Rahman, Revolusi Mental, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu, 1973.
- Syed H.\*Ali, Kemiskinan Dan Kelaparan Tanah Di Kelantan, Petaling Jaya: Karang Kraf, 1978.
- Swift, M.G., Malay Peasant Society in Jelebu, University of London, The Athlone Press, 1965.



- Townsend, Peter, The Concept of Poverty, London: Heinemann, 1974.
- Whelan, F.G., Our Land, London: St. Martin's Press, 1962.
- Williams, T. Rhys, The Dusun A North Borneo Society, Ohio University, 1965.

#### PENERBITAN-PENERBITAN KERAJAAN MALAYSIA

- Cermin Masyarakat, Jilid 8 Bil. 3, Disember 1979, Kota Kinabalu: Jabatan Pembangunan Masyarakat.
- Gerakan Pembaharuan, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1974.
- Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan 1973.
- Kearah Masyarakat Petani Moden Kelas Menengah, Kota Kinabalu: Jabatan Ketua Menteri, 1979.
- Kemajuan, Jilid 2, Bil. 6, Ogos 1980, Kota Kinabalu: Jabatan Ketua Menteri.
- Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan. 1977.
- Rancangan Buku Merah, Kota Kinabalu: Jabatan Ketua Menteri, 1979.
- Siaran Perangkaan Tahunan Sabah 1978, Kota Kinabalu, Jabatan Perangkaan, 1979.

#### LATIHAN ILMIAH

- Ghazali Abdul Majid, Kesan Perubahan Teknologi Moden di Kampung Alor Bemban, Simpor, Sungai Petani, Kedah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1977/78.
- Helen Luin Richard, The Kadazans in a Transition Period and their Changes from their Simple to a More Complex Society. A case study of the effects of the Resultant Changes, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1975/76.
- Kamaruddin Mohd. Said, Struktur Pemilikan Tanah dan Kemiskinan Masyarakat Tani di Kelantan, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya 1975/76.

- Rusna bt. Mohammad Nor, Masalah Petani (Pesawah) Di Mukim Sri Menanti, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1975/76.
- Selmiah Hasin, Kemiskinan Di Kuala Perlis, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1976/77.
- Wan Kadir Wan Draman, Kemiskinan Tanah Di Kalangan Petani, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1973/74.

ARTIKEL-ARTIKEL DAN AKHBAR

- Burrough, J. Boenisch, "Traditional Methods of Dusun Rice Cultivation," Sabah Society Journal, Vol. 5 No. 4, September 1972.
- Muhammad Awang, "Masalah Kemiskinan Dan Teknologi Moden," Dewan Masyarakat, Jilid 13 Bil. 4, 15 April 1975.
- Rein, Martin, "Problems in the Definition and Measurement of Poverty" dalam Louis A Ferman (ed.), Poverty in America, Ann Arbor: The University of Michigan Press, 1972.
- Wan Hasmin, "Revolusi Hijau dan Kehendak Reformasi Tanah", Dewan Masyarakat, Jilid 17 Bil. 11, 15 November 1979.
- Kinabalu Sabah Times, 25hb Februari, 1980.